

قَتِيْن تِيْتَه

PETIKAN TITAH

"KERANA itu kita mahu, supaya tenaga-tenaga petugas, pentadbir dan pemegang dasar dalam perkara ini hendaklah memiliki pandangan jauh, bersemangat keislaman tulen dan bukannya lemah serta sempit pemikiran atau lebih mementingkan diri." - Titah Sempena Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Bagi Tahun 1438H / 2017M.



Pelita BRUNEI

قَلْبِي فِي سَبِيْلِهَا

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسن ايمان

MANISNYA IMAN

"DAN orang-orang yang berjihad untuk Kami, Kami tentu akan menunjukkan kepada mereka jalan-jalan Kami. Dan sesungguhnya Allah benar-benar beserta orang-orang yang berbuat kebaikan." - Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-'Ankabut, ayat 69.

Waktu Sembahyang

IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
4.41	4.51	6.11	6.33	12.20	3.33	6.26	7.37

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 64 / BILANGAN 49

24 APRIL 2019 / 1440 شعبان 18

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU / PERCUMA

Hargai sumbangan dalam pelbagai bidang



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Majlis Persantapan Rasmi bagi meraikan Perdana Menteri Republik Rakyat Bangladesh, Puan Yang Terutama Sheikh Hasina di Dewan Persantapan, Istana Nurul Iman. - Foto : Mohamad Azmi Awang Damit (Lihat muka 2, 3, dan 4)

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 22 April. - Negara Brunei Darussalam dan Republik Rakyat Bangladesh menjalinkan hubungan kerjasama dalam pelbagai bidang berkepentingan bersama dan menyaksikan pertukaran-pertukaran aktif di antara rakyat kedua-dua negara sejak beberapa tahun kebelakangan. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni

Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah demikian pada Majlis Persantapan Rasmi bagi Meraikan Perdana Menteri Republik Rakyat Bangladesh, Puan Yang Terutama Sheikh Hasina di Dewan Persantapan, Istana Nurul Iman, di sini.

Ke muka 2

IKUTI KAMI DI



APLIKASI MUDAH ALIH InfoDeptBN



Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Brunei Darussalam



infodept.bn



infodept_bn



JAME' 'Asr Hassanil Bolkiah tarik tumpuan PM Bangladesh Muka 11



BRUNEI - Jepun bincang isu kerjasama pertahanan Muka 12



LUASKAN kesedaran tentang alam sekitar Muka 13



KERJASAMA kunci utama masa depan tenaga Muka 16

Kutuk tindakan kekejaman ke atas orang awam

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 22 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah perutusan takziah kepada Presiden Republik Demokratik Sosialis Sri Lanka, Tuan Yang Terutama Maithripala Sirisena dan Perdana Menteri Republik

Demokratik Sosialis Sri Lanka, Tuan Yang Terutama Ranil Wickremesinghe berikutan serangan bom yang telah berlaku di Sri Lanka baru-baru ini. Dalam titah perutusan tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berasa sedih mengetahui tentang kejadian berkenaan. Negara Brunei Darussalam mengutuk sekuat-kuatnya tindakan kekejaman ke atas orang awam yang mengakibatkan kehilangan nyawa terhadap orang-orang yang tidak berdosa

dan juga mengakibatkan kecederaan. Pada mengakhiri perutusan tersebut, bagi mewakili kerajaan dan rakyat Negara Brunei Darussalam, baginda menyampaikan ucapan takziah dan simpati yang amat mendalam kepada Tuan Yang Terutama-Tuan Yang Terutama, kerajaan dan rakyat Republik Demokratik Sosialis Sri Lanka, terutamanya kepada keluarga-keluarga mangsa dan orang awam yang terlibat dalam tragedi berkenaan.

Hargai sumbangan dalam pelbagai bidang



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkhiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan mengurniakan titah pada Majlis Santap Rasmi bagi meraikan Perdana Menteri Republik Rakyat Bangladesh, Puan Yang Terutama Sheikh Hasina.

Dari muka 1

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam lagi, lawatan Puan Yang Terutama ke negara ini mencerminkan persahabatan yang akrab dan mesra, bukan sahaja di antara kedua-dua kerajaan, bahkan di antara rakyat kedua-dua buah negara.

"Ia melambangkan pencapaian penting dalam hubungan dua hala yang bermula sejak 35 tahun lalu apabila kedua-dua buah negara menjalinkan hubungan diplomatik," titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU)

yang berlangsung hari ini titah baginda, akan mengukuhkan lagi hubungan dan memastikan ia akan terus teguh pada masa hadapan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan bergambar bersama Perdana Menteri Republik Rakyat Bangladesh, PYT Sheikh Hasina.

"Kerjasama yang bernilai di antara kedua buah negara adalah termasuk penglibatan dan kerja keras rakyat Republik Rakyat Bangladesh dalam pelbagai bidang, iaitu meliputi pembangunan Negara Brunei Darussalam melalui bidang-bidang kesihatan, pendidikan dan sektor pembinaan. Negara Brunei Darussalam amat menghargai sumbangan mereka," titah baginda.

Baginda seterusnya bertitah, Negara Brunei Darussalam dan Bangladesh terus bekerja rapat bersama-sama dalam pelbagai forum serantau dan antarabangsa, termasuk ASEAN, OIC, NAM dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

"Beta menyaksikan Bangladesh berperanan aktif dan menyertai semua organisasi berkenaan. Usaha-usaha Bangladesh adalah sangat membanggakan, terutama sekali dalam menyediakan bantuan kemanusiaan dan menyumbang kepada misi-misi keamanan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu," titah baginda.

Kunjungan Puan Yang Terutama titah baginda, tidak syak lagi akan meningkatkan kerjasama dua hala dalam pelbagai bidang dan memperkukuhkan lagi hubungan di antara kedua-dua buah negara.

Baginda juga bertitah menyampaikan ucapan tahniah atas pelantikan semula PYT sebagai Perdana Menteri Republik Rakyat Bangladesh.

Kemenangan PYT berkenaan memperlihatkan akan keyakinan rakyat pada kepimpinan PYT.

Dari Sidang Pengarang.

24 APRIL 2019 BERSAMAAN 1440 شعبان 18

BULAN SYAABAN, PERSIAPAN RAMADAN

BULAN Syaaban adalah bulan kelapan dalam kalender Islam. Syaaban ertinya berpecah belah dan bulan ini dinamakan sedemikian kerana suku-suku Arab berpecah pergi mencari air. Dalam bulan ini, telah terjadi peristiwa penting dalam sejarah Islam di mana peralihan kiblat dari Masjidil Aqsa ke Kaabah di Masjidil Haram berlaku. Dan dari sejak peristiwa itu, sembahyang ditunaikan dengan menghadap Kaabah sebagai kiblat.

Baru-baru ini, negara kita menyambut malam Nisfu Syaaban pada 15 Syaaban. Alhamdulillah, banyak acara keagamaan yang dibuat oleh pelbagai sektor kerajaan dan swasta dengan mengadakan Majlis Sambutan Nisfu Syaaban pada setiap masjid dan sebagainya dengan solat berjemaah dan membaca Surah Yaa Siin sebanyak tiga kali dengan niat yang berlainan bagi setiap satu bacaan. Dengan kehadiran bulan Syaaban ini, menandakan hanya ada beberapa minggu sahaja lagi sebelum tibanya bulan Ramadan.

Bulan Syaaban adalah bulan latihan bagi membiasakan dan mempersiapkan diri bagi menunaikan kewajipan berpuasa dalam bulan Ramadan. Bagi mereka yang sudah biasa berpuasa sunat pada bulan Syaaban atau bulan-bulan yang sebelumnya tentu mereka itu berasa mudah dan ringan untuk mengerjakan ibadah puasa pada bulan Ramadan. Oleh itu, perlu diingat jika kita masih mempunyai puasa Ramadan yang belum diqada maka tunaikanlah puasa itu semasa kita masih ada waktu sebelum tibanya bulan Ramadan. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 185 :

Tafsirnya : "Dan siapa yang sakit atau dalam musafir maka bolehlah ia berbuka, kemudian wajiblah ia berpuasa sebanyak yang ditinggalkan itu pada hari-hari yang lain. Dengan ketetapan yang demikian itu Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan dan ia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran. Dan juga supaya kamu cukupkan bilangan puasa sebulan Ramadan dan supaya kamu membesarkan Allah kerana mendapat petunjuk-Nya dan supaya kamu bersyukur."

Kita haruslah tidak melupakan atau melengah-lengahkan qada puasa tanpa ada keuzuran sehingga datang bulan Ramadan yang berikutnya. Maka qadalah puasa yang tertinggal pada bulan ini dan sekali gus untuk membiasakan diri berpuasa agar puasa pada bulan Ramadan nanti boleh dilakukan dengan sempurna. Kita hendaklah mencontohi apa yang dilakukan oleh Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dengan memperbanyakkan puasa sunat, membaca Al-Quran, berdoa, berzikir, bertaubat, beristighfar, bersedekah dan seumpamanya. Di samping mengerjakan amal ibadat dan kebajikan, ia juga merupakan suatu latihan rohani bagi mempersiapkan diri menyambut dan mengagungkan bulan Ramadan Al-Mubarak.

Setiap Muslim adalah sewajarnya merebut peluang keemasan pada bulan Syaaban. Mudah-mudahan apa jua amal ibadat yang dilakukan akan mendapat keberkatan dan kerediaan Allah Subhanahu Wata'ala jua. Melihat betapa besarnya kelebihan dan keistimewaan yang terdapat pada bulan Syaaban ini, maka sewajarnya kita merebut peluang ini dengan sebaik-baiknya. Jangan kerana sibuk dengan urusan duniawi seperti kerja pejabat, sekolah, keluarga dan sebagainya, menyebabkan kita lalai dan leka sehingga tidak berpeluang merebut keistimewaan pada bulan Syaaban ini. Akhirnya, marilah kita sama-sama berusaha meningkatkan amal ibadat dan kebajikan pada bulan Syaaban yang mulia ini semata-mata untuk mendapatkan berkat, rahmat dan pengampunan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. - **Ketua Penyuntingan (Ki).**

RAMALAN CUACA 3 HARI

RABU	KHAMIS	JUMAAT
BANDAR SERI BEGAWAN 33 25 °C	33 26 °C	32 25 °C
PEKAN BANGAR 32 25 °C	32 25 °C	31 25 °C
PEKAN TUTONG 32 25 °C	32 25 °C	32 25 °C
KUALA BELAIT 33 25 °C	33 26 °C	32 25 °C

Wallahualam Bissawab
Jabatan Kaji cuaca
Brunei Darussalam
www.met.gov.bn

Talian Cuaca
114

Brunei WX
App

WAKTU SEMBAHYANG

firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:
"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."

Masihi APRIL	HARI	Hijrah SYAABAN	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
24	RABU	18	4.41	4.51	6.11	6.33	12.20	3.33	6.26	7.37
25	KHAMIS	19	4.41	4.51	6.10	6.33	12.19	3.34	6.26	7.37
26	JUMAAT	20	4.41	4.51	6.10	6.33	12.19	3.34	6.26	7.37
27	SABTU	21	4.40	4.50	6.10	6.33	12.19	3.34	6.26	7.38
28	AHAD	22	4.40	4.50	6.10	6.32	12.19	3.34	6.26	7.38
29	ISNIN	23	4.39	4.49	6.09	6.32	12.19	3.35	6.26	7.38
30	SELASA	24	4.39	4.49	6.09	6.32	12.19	3.35	6.26	7.38

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

TALIAN KECEMASAN 991 | **POLIS 993** | **BOMBA 995** | **PENYELAMAT 998**

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam
123

NDMC
2380214

Persantapan Rasmi raikan PM Bangladesh



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Majlis Persantapan Rasmi bagi merayakan Perdana Menteri Republik Rakyat Bangladesh, Puan Yang Terutama Sheikh Hasina dan rombongan.

Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Majlis Persantapan Rasmi bagi merayakan Perdana Menteri Republik Rakyat Bangladesh, Puan Yang Terutama Sheikh Hasina dan rombongan.

Berangkat sama ke Majlis Santap Rasmi yang berlangsung di Istana Nurul Iman ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul 'Adawiyah binti Pengiran Haji Bolkiah; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Mohammad Hatral Hazmi
Awang Abdul Hamid, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 22 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli

Ke muka 4



BERANGKAT sama ke Majlis Santap Rasmi yang berlangsung di Istana Nurul Iman ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul 'Adawiyah binti Pengiran Haji Bolkiah.



JUGA berangkat, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.



MAJLIS tersebut dimulakan dengan bacaan Doa Selamat oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

TURUT berangkat, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam serta kerabat diraja berkenan berangkat ke Majlis Persantapan Rasmi bagi meraikan Perdana Menteri Republik Rakyat Bangladesh, Puan Yang Terutama Sheikh Hasina dan rombongan.

Dari muka 3

Juga berangkat Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di

Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri; dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam.

Turut menyertai rombongan Puan Yang Terutama ialah Honourable Minister for Agriculture, Tuan Yang Terutama Dr. Muhammad Abdur Razzaque; Honourable Foreign Minister, Tuan Yang Terutama A.K. Abdul Momen dan Private Industry and Investment Adviser to the Prime Minister, Tuan Yang

Terutama Salman Fazlur Rahman.

Turut hadir ialah Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong selaku Menteri Pengiring dan Datin.

Majlis tersebut dimulakan dengan bacaan Doa Selamat oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Pada majlis tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah.

Diikuti dengan ucapan balas daripada PYT yang antara lain menjelaskan bahawa Republik Rakyat Bangladesh dan Negara Brunei Darussalam terus menikmati hubungan persahabatan yang sangat berharga, dikukuhkan atas nilai-nilai yang dikongsi

bersama, keagamaan, hubungan kebudayaan dan persamaan dalam pelbagai sudut.

"Sejurus mengambil alih jawatan pada tahun 1996, saya mengambil inisiatif untuk membuka semula pejabat Kedutaan kami di Negara Brunei Darussalam dengan tujuan untuk menjalin hubungan rapat antara kedua-dua negara. Saya juga melahirkan penghargaan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia kerana membuka pejabat Kedutaan di Dhaka pada tahun 1999," ujar PYT.

Menurut PYT lagi, Bangladesh melaksanakan siri inisiatif yang komprehensif untuk mewujudkan impian 'Sonar Bangla' iaitu dari Bangabandhu Sheikh Mujibur Rahman, Bapa Republik tersebut.

"Prestasi ekonomi yang teguh dan pelaburan yang semakin meningkat dalam sektor-sektor sosial membuat kami terus berada di landasan untuk menjadi negara berpendapatan sederhana pada tahun 2021 dan yang maju pada tahun 2041," tambah PYT.

PYT dalam ucapannya juga berharap Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha serta seluruh kerabat diraja yang lain dikurniakan kesihatan yang baik, dilanjutkan usia dan terus menikmati keamanan dan kesejahteraan di negara ini.

Perdana Menteri Republik Rakyat Bangladesh dan delegasi berada di negara ini bagi Lawatan Rasmi selama tiga hari.

PYT merupakan Perdana Menteri paling lama yang memegang jawatan tersebut dalam sejarah Bangladesh sejak tahun 1996 hingga sekarang.



SUASANA Majlis Persantapan Rasmi bagi meraikan Perdana Menteri Republik Rakyat Bangladesh, Puan Yang Terutama Sheikh Hasina (kiri dan kanan).



ANTARA yang hadir pada majlis tersebut.



PERSEMBAHAN muzikal memrihkan suasana Majlis Persantapan Rasmi tersebut.

Berkenan menerima mengadap



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Perdana Menteri Republik Rakyat Bangladesh, Puan Yang Terutama Sheikh Hasina di Cheradi Laila Kenchana, Istana Nurul Iman.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 22 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Perdana Menteri Republik Rakyat Bangladesh,



JUGA berangkat, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri; Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar, Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara; Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Muhammad Ruzaini bin Pengiran Dr. Haji Mohd. Yakub. Turut hadir pada Majlis Mengadap tersebut, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong selaku Menteri Pengiring dan Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Republik Rakyat Bangladesh, Tuan Yang Terutama Awang Haji Haris bin Othman.



ANTARA rombongan dari Republik Rakyat Bangladesh yang hadir semasa Majlis Mengadap (kiri dan kanan).

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

Puan Yang Terutama Sheikh Hasina, berlangsung di Cheradi Laila Kenchana, Istana Nurul Iman, di sini.

Terdahulu sebelum Majlis Mengadap tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat mengalu-alukan ketibaan Puan Yang Terutama Perdana Menteri Republik Rakyat Bangladesh di Istana Nurul Iman, seterusnya memperkenalkan Puan Yang Terutama kepada kerabat-kerabat diraja.

Berangkat sama ke Majlis Mengadap tersebut, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah; Duli Yang

Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah; dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Menyertai bersama PYT Perdana Menteri Republik Rakyat Bangladesh, Honourable Minister for Agriculture, Tuan Yang Terutama Dr. Muhammad Abdur Razzaque; Honourable Foreign Minister, Tuan Yang Terutama A.K. Abdul Momen; Private Industry and Investment Adviser to the Prime Minister, Tuan Yang Terutama Salman Fazlur Rahman; Honourable State Minister for Expatriates' Welfare and Overseas Employment, Tuan Yang Terutama Imran Ahmad; Honourable State Minister for Youth and Sports, Tuan Yang Terutama Md. Zahid Ahsan Russel; Honourable Minister for Power, Energy and Mineral Resources, Tuan Yang Terutama Nasrul Hamid; Honourable State Minister for Ministry of Fisheries and Livestock, Tuan Yang Terutama Md. Ashraf Ali Khan Khasru; dan Honourable State Minister for Cultural Affairs, Tuan Yang Terutama K.M Khalid.

BERANGKAT sama ke Majlis Mengadap tersebut, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah.

Turut hadir pada Majlis Mengadap tersebut, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong selaku Menteri Pengiring; dan Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Republik Rakyat Bangladesh, Tuan Yang Terutama Awang Haji Haris bin Othman.

Lawatan kukuhkan hubungan mesra, persahabatan

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



PERDANA Menteri Republik Rakyat Bangladesh, Puan Yang Terutama Sheikh Hasina semasa menyampaikan ucapan balas pada Majlis Perjumpaan Dua Hala.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 22 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengadakan Majlis Perjumpaan Dua Hala bersama Perdana Menteri Republik Rakyat Bangladesh, Puan Yang Terutama Sheikh Hasina, berlangsung di Baitul Mesyuarah, Istana Nurul Iman, di sini.

Berangkat sama, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Pada Majlis Perjumpaan tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Puan Yang Terutama bertukar-tukar pandangan mengenai isu-isu kerjasama dua hala, serantau dan antarabangsa yang mempunyai kepentingan bersama.

Kebawah DYMM dalam titah baginda menzahirkan ucapan

tahniah di atas kemenangan PYT dalam pilihan raya baru-baru ini, yang mana menggambarkan sokongan padu dan keyakinan rakyat Bangladesh terhadap visi PYT untuk rakyat Republik Bangladesh.

Komitmen dan ketegasan PYT dalam memajukan ekonomi Republik Rakyat Bangladesh, titah baginda adalah dikagumi.

Di bawah kepimpinan PYT titah baginda lagi, Republik Rakyat Bangladesh akan terus membangun dan makmur.

Kebawah DYMM dalam titah juga melahirkan keyakinan bahawa lawatan PYT ke Negara Brunei Darussalam akan mengukuhkan lagi hubungan mesra dan persahabatan yang sedia ada di antara kedua-dua buah negara.

Sementara itu, PYT dalam ucapan balasnya, antara lain menyebarkan mengenai hubungan penting di antara Republik Rakyat Bangladesh bersama Negara Brunei Darussalam yang mempunyai nilai yang sama dan berharap kedua-dua belah pihak akan meluaskan lagi bidang kerjasama.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Majlis Perjumpaan Dua Hala bersama Perdana Menteri Republik Rakyat Bangladesh, Puan Yang Terutama Sheikh Hasina.

Republik Rakyat Bangladesh sembah PYT, melihat hubungan dengan Negara Brunei Darussalam adalah sangat

penting, mempunyai nilai yang dikongsi sama, agama, kebudayaan, perhubungan dan kemasyarakatan.

Tambah PYT lagi, hubungan ekonomi yang sedia ada akan mengukuhkan lagi bidang kerjasama.



ANTARA Menteri Kabinet yang hadir pada Majlis Perjumpaan Dua Hala tersebut.



ANTARA rombongan Republik Rakyat Bangladesh yang hadir semasa Majlis Perjumpaan Dua Hala.



SEBAHAGIAN Menteri Kabinet yang hadir sama pada majlis berkenaan.

Enam MoU ditandatangani

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berjabat tangan bersama Perdana Menteri Republik Rakyat Bangladesh, Puan Yang Terutama Sheikh Hasina selepas sesi penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kerajaan Republik Rakyat Bangladesh.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 22 April. - Sebanyak enam Memorandum Persefahaman (MoU) ditandatangani di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama Kerajaan Republik Rakyat Bangladesh.

Penandatanganan MoU tersebut adalah bagi Kerjasama Sainifik dan Teknikal dalam Bidang Pertanian; Kerjasama dalam Bidang Perikanan; Kerjasama dalam Bidang Ternakan; Kerjasama dalam bidang Pembekalan Gas Cecair Asli (Liquefied Natural Gas - LNG); Kerjasama dalam Bidang Belia dan Sukan; dan Kerjasama dalam Bidang Budaya dan Kesenian.

Majlis Penandatanganan MoU yang diadakan sejurus selepas Majlis Perjumpaan Dua Hala itu disaksikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Perdana Menteri Republik Rakyat Bangladesh, Puan Yang Terutama Sheikh

Hasina.

Penandatanganan MoU bagi Kerjasama Sainifik dan Teknikal dalam Bidang Pertanian disempurnakan oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Honourable Minister for Agriculture, Tuan Yang Terutama Dr. Muhammad Abdur Razzaque bagi Kerajaan Republik Rakyat Bangladesh.

Sementara itu, Penandatanganan MoU bagi Kerjasama dalam Bidang Perikanan juga disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Honourable State Minister for Ministry of Fisheries and Livestock, Tuan Yang Terutama Md. Ashraf Ali Khan Khasru bagi Kerajaan Republik Rakyat Bangladesh.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan bagi pihak Kerajaan Kebawah DYMM dan Honourable State Minister for Ministry of Fisheries and Livestock bagi Kerajaan

Republik Rakyat Bangladesh turut menandatangani MoU bagi Kerjasama dalam Bidang Ternakan.

Manakala, Penandatanganan MoU bagi Kerjasama dalam bidang Pembekalan Gas Cecair Asli (Liquefied Natural Gas - LNG) disempurnakan oleh Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mat Suny bin Haji Md. Hussien bagi pihak Kerajaan Kebawah DYMM dan Honourable Minister for Power, Energy and Mineral Resources, Tuan Yang Terutama Nasrul Hamid bagi Kerajaan Republik Rakyat Bangladesh.

Seterusnya, menandatangani MoU bagi Kerjasama dalam bidang Belia dan Sukan bagi pihak Kerajaan Kebawah DYMM ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin dan bagi pihak Kerajaan Republik Rakyat Bangladesh

pula ditandatangani oleh Honourable State Minister for Youth and Sports, Tuan Yang Terutama Md. Zahid Ahsan Russel.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan juga menyempurnakan penandatanganan MoU bagi Kerjasama dalam bidang Budaya dan Kesenian bagi pihak Kerajaan Kebawah DYMM dan menandatangani bagi Kerajaan Republik Rakyat Bangladesh ialah Honourable State Minister for Cultural Affairs, Tuan Yang Terutama K.M Khalid.

Juga berangkat menyaksikan Majlis Penandatanganan tersebut, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Satu Kenyataan Bersama di antara kedua-dua buah negara juga dikeluarkan.

Puan Yang Terutama Perdana Menteri Republik Rakyat Bangladesh dan delegasi berada di negara ini bagi Lawatan Rasmi selama tiga hari.



PENANDATANGANAN MoU bagi Kerjasama Sainifik dan Teknikal dalam Bidang Pertanian disempurnakan oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong bagi pihak Kerajaan Kebawah DYMM dan Honourable Minister for Agriculture, Tuan Yang Terutama Dr. Muhammad Abdur Razzaque bagi Kerajaan Republik Rakyat Bangladesh.



PENANDATANGANAN MoU bagi Kerjasama dalam bidang Pembekalan Gas Cecair Asli disempurnakan oleh Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mat Suny bin Haji Md. Hussien bagi pihak Kerajaan Kebawah DYMM dan Honourable Minister for Power, Energy and Mineral Resources, Tuan Yang Terutama Nasrul Hamid bagi Kerajaan Republik Rakyat Bangladesh.



PENANDATANGANAN MoU bagi Kerjasama dalam Bidang Perikanan disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan bagi pihak Kerajaan Kebawah DYMM dan Honourable State Minister for Ministry of Fisheries and Livestock, Tuan Yang Terutama Md. Ashraf Ali Khan Khasru bagi Kerajaan Republik Rakyat Bangladesh. Di samping itu, turut dimeterai ialah MoU bagi Kerjasama dalam Bidang Ternakan.



PENANDATANGANAN MoU bagi Kerjasama dalam bidang Belia dan Sukan bagi pihak Kerajaan Kebawah DYMM ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin dan bagi pihak Kerajaan Republik Rakyat Bangladesh ditandatangani oleh Honourable State Minister for Youth and Sports, Tuan Yang Terutama Md. Zahid Ahsan Russel.



PENANDATANGANAN MoU dalam bidang Budaya dan Kesenian bagi pihak Kerajaan Kebawah DYMM ialah Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dan bagi pihak Kerajaan Republik Rakyat Bangladesh ditandatangani oleh Honourable State Minister for Cultural Affairs, Tuan Yang Terutama K.M Khalid.

Menerima mengadap pembesar luar negara



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap secara berasingan Menteri Muda Elektrik Luar Bandar Sarawak selaku Menteri Bertanggungjawab Hal Ehwal Islam Sarawak, Yang Berhormat Datuk Dr. Haji Abdul Rahman bin Haji Junaidi (kiri) dan Penasihat Khas kepada Perdana Menteri Jepun, Tuan Yang Terutama Kentaro Sonoura (kanan).

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Hamzah Haji Mohidin

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 23 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Menteri Muda Elektrik Luar Bandar Sarawak selaku Menteri Bertanggungjawab Hal Ehwal Islam Sarawak, Yang Berhormat Datuk Dr. Haji Abdul Rahman bin Haji Junaidi.

Menyertai bersama Yang Berhormat pada Majlis Mengadap tersebut ialah Yang

Di-Pertua Majlis Islam Sarawak, Yang Berbahagia Datu Haji Misnu bin Haji Taha; Mufti Negeri Sarawak, Sahibus Samahah Datu Haji Kipli bin Haji Yassin; Pengurus Besar Tabung Baitulmal Sarawak, Yang Berbahagia Datu Abang Haji Mohd Shibli bin Haji Abang Mohd Nailie; dan Ketua Hakim Syarie, Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak, Yang Amat Arif Tuan Haji Awang Suhaili bin Ledi.

Juga hadir di majlis tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji

Awang Othman; Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned; Ketua Hakim Syarie, Yang Amat Arif Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar.

Sejurus selepas itu, Kebawah DYMM juga berkenan menerima mengadap, Penasihat Khas kepada Perdana Menteri Jepun, Tuan Yang Terutama Kentaro Sonoura.

Tuan Yang Terutama dan rombongan berada di negara ini dalam rangka lawatan kerja selama dua hari yang antaranya

bertujuan bagi mengeratkan lagi kerjasama kedua-dua buah negara, serta bertukar-tukar pandangan mengenai isu-isu kepentingan bersama yang berkaitan dengan hubungan dua hala dan serantau.

Hubungan diplomatik antara Negara Brunei Darussalam dan Jepun telah terjalin pada 2 April 1984. Sejak itu, kedua-dua buah negara bekerjasama secara meluas dalam pelbagai bidang bukan sahaja dalam bidang tenaga dan pelaburan tetapi juga pendidikan dan pertukaran dari segi belia dan budaya.

Rombongan TYT Kentaro Sonoura disertai oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Motohiko Kato dan Pengarah Bahagian Asia Tenggara Kedua, Jabatan Hal

Ehwal Asia Tenggara dan Barat, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri Jepun, Tuan Shingo Miyamoto.

Turut hadir di majlis mengadap tersebut ialah Menteri Pertahanan Kedua selaku Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan Negara, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohd. Jammy bin Haji Muhd. Shah Al-Islam dan Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Mejar Jeneral Pengiran Dato Paduka Seri Aminan bin Pengiran Haji Mahmud.

Kedua-dua majlis mengadap berlangsung di Istana Nurul Iman.

Menerima mengadap Penasihat Khas PM Jepun

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Masri Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 23 April. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima mengadap Penasihat Khas kepada Perdana Menteri Jepun, Tuan Yang Terutama Kentaro Sonoura.

Majlis Mengadap tersebut berlangsung di Qashr Al-Meezaan.

Menyertai bersama Tuan Yang Terutama Kentaro Sonoura ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Motohiko Kato; dan Pengarah Bahagian Asia Tenggara Kedua, Jabatan Hal Ehwal Asia Tenggara dan Barat, Kementerian Hal Ehwal Luar

Negeri Jepun, Tuan Shingo Miyamoto.

Turut hadir di majlis mengadap tersebut ialah Menteri Pertahanan Kedua selaku Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan Negara, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof; dan Setiausaha Tetap, Kementerian Pertahanan, Brigadier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Shahril Anwar bin Haji Ma'awiah.

Tuan Yang Terutama Kentaro Sonoura dan delegasi berada di negara ini bagi mengadakan lawatan kerja selama dua hari.

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima mengadap Penasihat Khas kepada Perdana Menteri Jepun, Tuan Yang Terutama Kentaro Sonoura.



Kejohanan Golf BHC dirasmi



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan berangkat merasmikan Pelancaran Kejohanan Golf Butra Heidelberg Cement (BHC) Brunei 2019. Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien.

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

JERUDONG, Selasa, 23 April. - Negara Brunei Darussalam menjadi tuan rumah bagi Kejohanan Golf Butra Heidelberg Cement (BHC) Brunei 2019 yang bermula esok hingga 27 April bertempat di Padang Golf, The Empire Hotel & Country Club.

Berkenan berangkat merasmikan Pelancaran Kejohanan Golf Butra Heidelberg Cement (BHC) Brunei 2019 ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri

Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen di Royal Berkshire, Royal Brunei Polo and Country Club, dijunjung oleh Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Hakeem ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah selaku Penganjur Kejohanan; Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin; dan Pengerusi Jawatankuasa Penganjur, Awang Haji Mohd. Junaidi bin Pehin Orang Kaya

Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman.

Menerusi sembah alu-aluan Pengerusi Jawatankuasa Penganjur menyembahkan, lebih kurang 100 pemain golf profesional dari seluruh dunia termasuk 10 pemain dari Negara Brunei Darussalam akan bertanding pada kejohanan tersebut, yang mana kejohanan kali ini turut disertai oleh juara dua kali Asian Tour, Prom Meesawat dari Thailand.

Duli Yang Teramat Mulia kemudian berkenan menerima pesambah daripada Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Hakeem. Pada majlis tersebut, DYTMM juga berkenan disembahkan kepada para pemain.

Kejohanan yang dikendalikan oleh SPS Innovative Enterprise itu turut menawarkan hadiah berupa dua buah kereta yang ditaja oleh Jati Transport dan

GHK Motors bagi para pemain yang berjaya melakukan hole-in-one pada kejohanan tersebut, selain daripada hadiah berupa wang tunai berjumlah USD75,000.

Para penaja kejohanan adalah terdiri dari Mar'azmala Petrol Station & Trading; Royal Brunei Airlines; DST; Cityneon Displays & Construction; Royal Brunei Catering; Jati Transport; GHK Motors dan Hui Huang Enterprise (You.C1000 Minuman Isotonik).

Kejohanan turut disokong bersama oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan; Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri; dan Kementerian Kesihatan.

Sementara Brunei Cement BHC Sendirian Berhad adalah sebagai 'Title Sponsor' bagi kejohanan berkenaan.

Antara objektif utama kejohanan tersebut ialah bagi mempromosikan Brunei sebagai destinasi golf premium di rantau ini, selain dapat memberikan galakan kepada generasi muda belia di negara ini untuk menyemarakkan dan menyertai sukan berkenaan pada masa akan datang.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ketika berkenan merasmikan Kejohanan Golf Butra Heidelberg Cement (BHC) Brunei 2019.



DYTMM Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ketika berkenan beramah mesra bersama para pemain yang menyertai Kejohanan Golf Butra Heidelberg Cement (BHC) Brunei 2019 (kiri dan kanan).



DYTMM Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen berkenan bergambar ramai.

Perkenalkan tradisi kitani

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Azmah Haji Ahad



YANG Amat Mulia Pengiran Anak Abdul Hafeez bin Pengiran Anak Khairul Khalil bersama rakan sebaya mendengarkan taklimat mengenai permainan tradisi Brunei.



YANG Amat Mulia Pengiran Anak Raihaanah Hanaa-ul Bolqiah semasa berangkat menyaksikan secara dekat rempah ratus yang terdapat di dalam masakan Melayu.



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 22 April. - Bulan Melayu Islam Beraja (MIB) bagi Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolqiah (YSHHB) dirasmikan dalam satu majlis yang berlangsung di dewan sekolah berkenaan, di sini.

Berangkat pada majlis tersebut, cucunda Kebawah Duli Yang

Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Abdul Hafeez bin Pengiran Anak Khairul Khalil; dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Raihaanah Hanaa-ul Bolqiah binti Pengiran Anak Khairul Khalil.

Hadir selaku tetamu kehormat, Pengetua Sekolah Rendah YSHHB, Dayang Hajah Mariam binti Haji Ladi.

Juga hadir, pelajar-pelajar Tahun 1 hingga 5 juga guru-guru sekolah berkenaan.

Pada majlis tersebut, para pelajar diperkenalkan jenis-jenis permainan tradisional Brunei termasuk congkak, pasang, buah lapas-lapas dan simban, di samping ditunjuk ajar cara-cara bermain permainan berkenaan oleh ahli-ahli daripada Perkhidmatan Pelajaran, Jabatan Muzium-Muzium, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

Para pelajar juga diperkenalkan dengan jenis-jenis masakan melayu dan rempah ratus yang digunakan dalam masakan tersebut juga pakaian tradisional tujuh puak di negara ini, iaitu Belait, Bisaya, Dusun, Kedayan, Melayu, Murut, dan Tutong.

Bulan akademik itu juga diisi dengan pelbagai aktiviti, antaranya bengkel menambat dastar bagi Guru-guru Jabatan Akademik MIB, pertandingan menambat dastar bagi murid rendah bawah dan pertandingan menapah sinjang bagi murid rendah atas.

ACARA Majlis Pembukaan Bulan Melayu Islam Berja (MIB) telah diadakan di Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolqiah.

Lawat projek pembinaan

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 23 April. - Perdana Menteri (PM) Republik Rakyat Bangladesh, Puan Yang Terutama Sheikh Hasina yang berada di Negara Brunei Darussalam dalam rangka lawatan rasmi telah mengadakan lawatan ke projek pembinaan Bangunan Pejabat dan Kediaman Suruhanjaya Tinggi Republik Rakyat Bangladesh di Diplomatic Enclave, Jalan Kebangsaan, di sini.

Ketibaan Puan Yang Terutama disambut oleh Pesuruhjaya Tinggi Republik Rakyat Bangladesh Ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Air Vice Marshal (B) Mahmud Hussain.

Majlis terdahulu dimulakan dengan penandatanganan plak kenang-kenangan oleh Puan Yang Terutama sempena lawatan ke tapak pembinaan tersebut.

Taklimat mengenai projek pembinaan pula disampaikan oleh Arkitek Utama dari Eco Bumi Arkitek, Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman, diikuti dengan ucapan dari Honourable Foreign Minister, Tuan Yang Terutama A.K. Abdul Momen.

Puan Yang Terutama seterusnya menanam pokok sempena



PERDANA Menteri Republik Rakyat Bangladesh, Puan Yang Terutama Sheikh Hasina beramah mesra bersama Ahli Majlis Mesyuarat Negara yang juga Arkitek Utama dari Eco Bumi Arkitek, Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman (tengah).

peletakan batu asas pembinaan Bangunan Pejabat dan Kediaman Suruhanjaya Tinggi Republik Rakyat Bangladesh yang dijangka akan siap pada Jun 2021.

Pembinaan bangunan tersebut menandakan peristiwa penting yang bersejarah bagi kedua-dua buah negara dengan termeterainya kontrak bagi penyediaan perkhidmatan perunding dengan

pasukan projek yang diketuai oleh Eco Bumi Arkitek pada 3 April 2018.

Bangunan tersebut akan menggambarkan semangat dan kekayaan budaya Bangladesh, di mana penggunaan lambang nasional republik tersebut telah dipilih sebagai pendekatan untuk reka bentuk skim yang dicadangkan.



PERDANA Menteri Republik Rakyat Bangladesh menanam pokok sempena Majlis Peletakan Batu Asas Bangunan Pejabat dan Kediaman Suruhanjaya Tinggi Republik Rakyat Bangladesh di Negara Brunei Darussalam.

Jame' 'Asr Hassanil Bolkih tarik tumpuan PM Bangladesh



PERDANA Menteri Republik Rakyat Bangladesh, Puan Yang Terutama Sheikh Hasina ketika meninjau sebahagian ruang sembahyang utama masjid yang tersergam indah dengan ciri-ciri seni bina berunsurkan keislaman yang diterangkan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Tingkat Khas Jame' 'Asr Hassanil Bolkih Kampung Kiarong, Awang Haji Haris bin Haji Suboh (kiri). Sementara gambar kanan, PYT Sheikh Hasina melihat secara lebih dekat koleksi peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, iaitu senaskhah Al-Quran yang merupakan hadiah daripada Presiden Pakistan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 22 April. - Jame' 'Asr Hassanil Bolkih, Kampung Kiarong antara tempat yang menjadi tumpuan kunjungan lawatan rasmi Perdana Menteri Republik Rakyat Bangladesh, Puan Yang Terutama Sheikh Hasina beserta rombongan selama tiga hari ke Negara Brunei Darussalam.

Ketibaan rombongan yang diketuai oleh Puan Yang Terutama Sheikh Hasina di pekarangan Jame' 'Asr Hassanil Bolkih, Kampung Kiarong,

di sini dialu-alukan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Juga hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar serta pegawai-pegawai kanan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Sejurus ketibaan, PYT mengerjakan sembahyang dan

kemudiannya berkesempatan meninjau sebahagian ruang sembahyang utama masjid yang tersergam indah dengan ciri-ciri seni bina berunsurkan keislaman yang diterangkan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Tingkat Khas Jame' 'Asr Hassanil Bolkih, Kampung Kiarong, Awang Haji Haris bin Haji Suboh.

Kunjungan PYT diteruskan dengan melihat secara lebih dekat koleksi yang terdapat di perpustakaan masjid berkenaan termasuk koleksi peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, iaitu senaskhah Al-Quran yang merupakan hadiah daripada Presiden Pakistan.

Sebelum mengakhiri lawatannya, PYT sempat menandatangani buku lawatan di Dewan Serbaguna, Jame' 'Asr Hassanil Bolkih, Kampung Kiarong.

Meskipun kunjungan PYT agak singkat, PYT juga sempat

merakamkan beramah mesra seketika bersama rakyat Bangladesh yang bekerja di negara ini.

Setentunya kunjungan PYT ke Jame' 'Asr Hassanil Bolkih, Kampung Kiarong mencerminkan penghormatannya terhadap negara yang mengutamakan Islam sebagai agama tonggak di negara dengan berfalsafahkan Melayu Islam Beraja.

Kerjasama ekonomi ditingkatkan

Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

JERUDONG, Isnin, 22 April. - Negara Brunei Darussalam (NBD) menduduki tangga ke 55 daripada 190 ekonomi dalam World Bank's Doing Business Report 2019, peningkatan ini dapat dilihat dari peningkatan tahunan yang berterusan dalam kedudukan sepanjang tiga tahun ini.

Kadar Cukai Pendapatan Korporat negara ialah 18.5 peratus, iaitu kedua terendah dalam rantau ASEAN.

Perkara tersebut dikongsi oleh Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mat Suny bin Haji Md. Hussien selaku Penganjur Bersama pada Forum Perniagaan antara Komuniti Perniagaan NBD dan Republik Rakyat Bangladesh berlangsung di The Empire Hotel & Country Club, di sini.

Jelasnya, kerajaan negara ini terus komited ke arah memajukan persekitaran perniagaan yang kondusif untuk memudahkan

penubuhan dan menjalankan operasi di NBD, serta penyediaan tenaga kerja berpendidikan dan berkemahiran.

Hadir selaku tetamu kehormat pada forum tersebut ialah Perdana Menteri Republik Rakyat Bangladesh, Puan Yang Terutama Sheikh Hasina.

Puan Yang Terutama Perdana Menteri Republik Rakyat Bangladesh berkata, Bangladesh kini menjadi ekonomi kedua terbesar di Asia Selatan dan Ke-41 di dunia dalam nominal KDNK.

Pengurusan ekonomi makro yang cermat, sokongan dasar terhadap keusahawanan swasta, dan pelaburan-pelaburan teguh dalam infrastruktur dan pembangunan manusia menyumbang kepada kejayaan yang menakjubkan pada ekonomi Bangladesh.

Forum tersebut turut dihadiri Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong selaku Menteri



PERDANA Menteri Republik Rakyat Bangladesh, Puan Yang Terutama Sheikh Hasina hadir selaku tetamu kehormat pada Forum Perniagaan antara Komuniti Perniagaan Negara Brunei Darussalam dan Republik Rakyat Bangladesh.

Pengiring; Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin

Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin; Pemangku Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Mulia Dr. Awang Abdul Manaf bin Haji Metussin serta Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara.

Forum disikan dengan taklimat daripada Presiden Persekutuan Dewan Perniagaan dan Industri Bangladesh, Mr. Md Shafiu Islam Mohiuddin; Pegawai Eksekutif Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (LKEB), Mr. Loo You Soon; dan Private Industry and Investment Adviser kepada Perdana Menteri republik tersebut, Mr. Salman Fazlur Rahman.

Sejurus selepas sesi taklimat, forum diteruskan dengan Majlis Menandatangani tiga Memorandum Persefahaman (MoU) antara NBD dan Republik Rakyat Bangladesh.



PERDANA Menteri Republik Rakyat Bangladesh, Puan Yang Terutama Sheikh Hasina ketika berucap pada majlis tersebut.



PENANDATANGANAN MoU antara Ghanim International Cooperation Sdn. Bhd. bersama Nizam Group of Company yang ditandatangani oleh wakil syarikat masing-masing.

Lawatan rasmi eratkan hubungan dua hala



PERDANA Menteri Republik Rakyat Bangladesh, Puan Yang Terutama Sheikh Hasina berserta rombongan berlepas meninggalkan Negara Brunei Darussalam setelah menamatkan Lawatan Rasmi selama tiga hari (kanan dan kiri). Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar kepada Puan Yang Terutama ialah Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong selaku Menteri Pengiring; dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof.

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohd. Zul-izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 23 April. - Perdana Menteri Republik Rakyat Bangladesh, Puan Yang Terutama Sheikh Hasina berserta rombongan berlepas meninggalkan Negara Brunei Darussalam setelah menamatkan lawatan rasmi selama tiga hari bermula 21 April 2019.

Hadir di Lapangan Terbang

Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar kepada PYT ialah Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong selaku Menteri Pengiring; Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji

Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof; Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohd. Jammy bin Haji Muhd. Shah Al-Islam dan Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Mejar Jeneral Pengiran Dato Paduka Seri Haji Aminan bin Pengiran Haji Mahmud.

Turut hadir, Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Republik Rakyat Bangladesh, Tuan Yang Terutama Awang Haji Haris bin Othman dan Pesuruhjaya



Tinggi Republik Rakyat Bangladesh ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Air Vice Marshal (Bersara) Mahmud Hussain.

Sebelum menaiki pesawat khas, PYT Perdana Menteri Republik Rakyat Bangladesh melintasi Barisan Kawalan Statik yang terdiri daripada anggota ABDB.

Lawatan PYT Perdana Menteri Republik Rakyat Bangladesh ke negara ini memperlihatkan hubungan dua hala yang akrab di antara kedua buah negara dan setentunya akan lebih dipereratkan dan diperkembangkan di masa hadapan.

Menurut PYT semasa Majlis Perjumpaan Dua Hala yang berlangsung kelmarin, hubungan dengan negara ini adalah sangat

penting, mempunyai nilai yang dikongsi sama, agama, kebudayaan, perhubungan dan kemasyarakatan.

Semasa lawatan PYT itu juga, sebanyak enam Memorandum Persefahaman (MoU) ditandatangani di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama Kerajaan Republik Rakyat Bangladesh bagi meningkatkan kerjasama dalam bidang Pertanian; Perikanan; Ternakan; Gas Asli Cecair; Belia dan Sukan serta Budaya dan Kesenian.

Brunei - Jepun bincang isu kerjasama pertahanan



MENTERI Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusof (lima, kanan) menerima kunjungan hormat daripada Penasihat Khas kepada Perdana Menteri Jepun, Tuan Yang Terutama Kentaro Sonoura (lima, kiri).

BOLKIAH GARISON, Selasa, 23 April. - Menteri Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusof menerima kunjungan hormat daripada Penasihat Khas kepada Perdana Menteri Jepun, Tuan Yang Terutama Kentaro Sonoura.

Semasa kunjungan tersebut, Yang Berhormat Pehin dan Tuan Yang Terutama membincangkan isu-isu dua hala berkaitan dengan

bidang kerjasama pertahanan.

Kedua-dua pihak juga bertukar-tukar pandangan mengenai isu-isu pertahanan dan keselamatan yang menjadi kepentingan bersama.

Yang Berhormat Pehin dan TYT juga mengimbas kembali pertemuan semasa Langkawi International Maritime and Aerospace Exhibition (LIMA) yang dihadiri oleh kedua-dua pihak pada bulan Mac lepas.

TYT berada di negara ini dari 22

Siaran Akhbar dan Foto:
Kementerian Pertahanan

hingga 24 April 2019.

TYT juga pernah mengadakan lawatan ke Negara Brunei Darussalam pada Disember 2017 bagi mempromosikan dasar kerajaan Jepun yang dinamakan 'Free and Open Indo-Pacific Strategy'.

Kelayakan memohon ASEAN CPA

Siaran Akhbar : Kementerian Kewangan dan Ekonomi

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 22 April. - Kementerian Kewangan dan Ekonomi sukacita memaklumkan bahawa akauntan profesional di Negara Brunei Darussalam yang memegang kewarganegaraan negara ASEAN dan memenuhi kelayakan, pengalaman praktikal dan syarat-syarat yang ditetapkan adalah layak untuk memohon sebagai ASEAN Chartered Professional Accountants (ASEAN CPA) yang dianugerahkan oleh ASEAN Chartered Professional Accountants Coordinating Committee (ACPACC).

Penganugerahan gelaran ASEAN CPA akan membolehkan profesion berkenaan untuk menyediakan perkhidmatan perakaunan dalam pasaran ASEAN tanpa menjalani prosedur latihan atau kelayakan di negara ASEAN yang dipohonkan.

Syarat-syarat keperluan bagi kelayakan ASEAN CPA ialah memiliki sekurang-kurangnya kelulusan Sarjana Muda Dalam Perakaunan atau Program Pendidikan Profesional Perakaunan yang diiktiraf oleh Kementerian Pendidikan; mempunyai sekurang-kurangnya tiga tahun pengalaman kerja praktikal yang berkaitan secara kumulatif dalam tempoh lima tahun sebelum tarikh permohonan;

memegang keahlian Brunei Darussalam Institute of Certified Public Accountants (BICPA) sekurang-kurangnya dalam tahap *affiliate*; mematuhi dasar Continuing Professional Development (CPD) yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi iaitu CPD sebanyak 40 unit / jam setahun termasuk 20 unit / jam *structured (verifiable)* dan 20 unit/jam *unstructured (unverifiable)*; dan bersetuju untuk terikat dengan Code of Ethics for Professional Accountants yang dikeluarkan oleh International Ethic Standards Board for Professional Accountants (IESBA).

Pemohon yang berminat bolehlah memuat turun borang permohonan dari <http://www.mofe.gov.bn/divisions/registration-asean-cpa.aspx>.

Borang tersebut hendaklah diisikan dengan lengkap dan diserahkan kepada Brunei Darussalam Monitoring Committee (BDMC) on Accountancy Services di Bahagian Hasil, Kementerian Kewangan dan Ekonomi Tingkat Bawah, Island Block, Jalan Commonwealth, BB 3910, Negara Brunei Darussalam.

Bagi sebarang pertanyaan lanjut, bolehlah menghubungi Sekretariat BDMC on Accountancy Services e-mel bdmc@mofe.gov.bn atau melalui talian +673 2383933 atau +673 2390651.

Bentuk masyarakat literasi alam sekitar

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin

BERAKAS, Isnin, 22 April. - Program pendidikan mengenai alam sekitar adalah sangat penting dan mestilah dilakukan secara berterusan dan disesuaikan dengan kehendak generasi.

Pihak Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe) secara berterusan telah banyak membuat aktiviti-aktiviti atau program-program berasaskan pendekatan menyeluruh mengenai pentingnya penjagaan alam sekitar kepada penuntut-penuntut sekolah di semua peringkat.

Aktiviti-aktiviti alam sekitar yang berulang-ulang di

sekolah-sekolah diharap akan dapat membentuk satu budaya kelestarian alam sekitar dalam usaha untuk membudayakan nilai murni alam sekitar supaya ia sehati dalam jiwa mereka agar menjadi masyarakat yang literasi kepada alam sekitar.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar semasa Majlis Sambutan Hari Bumi 2019, berlangsung di Dewan Betabur, Kementerian Pembangunan, Berakas, di sini.

Yang Berhormat seterusnya

menjelaskan, pendidikan dan kesedaran tersebut perlulah dilakukan secara berterusan pada semua peringkat agar masyarakat sentiasa menghargai dan minat mencintai alam sekitar.

Menyentuh mengenai inisiatif setiap hari tanpa beg plastik, Yang Berhormat menyatakan Negara Brunei Darussalam telah mencatatkan satu pencapaian yang boleh dibanggakan, di mana inisiatif tersebut berjaya dilaksanakan setiap hari di kedai-kedai dan gedung-gedung perniagaan yang ikut serta.

Sejak inisiatif tersebut dilancarkan sempena Sambutan Hari Bumi tahun lepas, ujar Yang Berhormat lagi, pihak JASTRe mengunyahkahkan beberapa

aktiviti dalam proses untuk membarigakan inisiatif berkenaan kepada orang ramai seperti Kuiz Radio dengan usaha sama RTB, Pertandingan Poster Setiap Hari Tanpa Beg Plastik dan Produksi / Pembuatan Video Animasi Inisiatif Setiap Hari Tanpa Beg Plastik.

Semua itu, jelas Yang Berhormat merupakan antara usaha yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan dalam meningkatkan lagi kesedaran orang ramai akan pentingnya untuk menjaga alam sekitar dan menyemai rasa tanggungjawab setiap individu untuk memainkan peranan masing-masing dalam penjagaan dan pemeliharaan alam sekitar.



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar semasa berucap pada Majlis Sambutan Hari Bumi 2019.



YANG Berhormat Menteri Pembangunan semasa menyampaikan hadiah kepada pemenang yang menyertai pertandingan poster.

Luaskan kesedaran tentang alam sekitar

BERAKAS, Isnin, 22 April. - Hari Bumi disambut di seluruh dunia pada setiap 22 April dengan hasrat untuk meluaskan kesedaran tentang alam sekitar yang mendalam berkaitan dengan bumi dan ekosistemnya.

Negara Brunei Darussalam juga tidak ketinggalan mengadakan Sambutan Hari Bumi 2019 dengan penyampaian hadiah pemenang Pertandingan Poster Setiap Hari Tanpa Beg Plastik, berlangsung di Dewan Betabur, Kementerian Pembangunan, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat, seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang, Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar.

Dalam ucapan alu-aluannya, Pemangku Pengarah Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Dayang Martinah binti Haji Tamit menyentuh mengenai ancaman dan kepupusan spesies pada peringkat global yang didorong oleh kegiatan manusia seperti penebangan hutan yang tidak mampan, perdagangan dan pemburuan haram juga pencemaran.

"Allah telah menjadikan setiap apa yang hidup mempunyai keunikan dan nilai-nilai intrinsik mereka tersendiri dan masing-masing memainkan peranan yang unik dalam ekosistem kita. Oleh itu, kita mestilah bekerjasama untuk melindungi spesies-spesies yang terancam ini seperti lebah, terumbu karang, gajah, zirafah, serangga, ikan paus dan banyak

lagi," jelas Pemangku Pengarah Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi itu lagi.

Pada majlis itu, Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi melancarkan video animasi 'Setiap Hari Tanpa Beg Plastik' yang menggambarkan bahaya beg plastik kepada haiwan marin dan ekosistem secara am dan dalam masa yang sama membarigakan lagi pengelatan inisiatif ke tujuh hari dalam seminggu juga menyeru penggunaan beg guna semula bukan sahaja di gedung perniagaan, tetapi juga di kedai-kedai runcit, restoran-restoran dan gerai-gerai makanan.

Video animasi tersebut akan disiarkan di Radio Televisyen Brunei juga laman sesawang dan media sosial JASTRe.

Sambutan juga diisikan dengan taklimat mengenai tema sambutan tahun ini, iaitu 'Protect Our Species' atau Lindungi Spesies Kita, disampaikan oleh Presiden Persatuan Biodiversiti dan Sejarah Alam (BruWILD), Lin Ji Liaw.

Majlis diteruskan dengan penyampaian hadiah kepada para pemenang Pertandingan Poster 'Setiap Hari Tanpa Beg Plastik' disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Pemenang Kategori Junior bagi penuntut-penuntut Tahun 1 hingga Tahun 6 adalah Tiong Ing Hoe dari Sekolah Seri Mulia Sarjana yang memenangi baucer hadiah bernilai BND200 dari Syarikat Samima Sdn. Bhd., manakala pemenang Kategori Intermediate bagi



PRESIDEN Persatuan Biodiversiti dan Sejarah Alam (BruWILD), Lin Ji Liaw semasa menyampaikan taklimat bertajuk 'Protect Our Species'.

penuntut-penuntut Tahun 7 hingga Tahun 11 adalah Dayang Nur Aqilah Tulain binti Haji Mardani dari Sekolah Menengah Sayyidina Hassan yang mendapat baucer hadiah bernilai BND400 dari Syarikat Mubarak Book Emporium.

Sementara Kategori Terbuka pula disandang oleh Dayang Nur Syazreen binti Haji Kahar, membawa pulang baucer hadiah dari AV Electronics bernilai BND600.

Juga hadir ialah Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia Awang Haji Marzuke bin Haji Mohsin; Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar), Dr. Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak; Setiausaha Tetap (Infrastruktur, Perumahan dan Profesional), IR. Awang Haji Amer Hishamuddin bin Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Zakaria; Timbalan Setiausaha Tetap (Korporat dan Undang-Undang), Dayang Hajah Norhayati binti Haji Mohd. Yaakub; Timbalan Setiausaha Tetap (Industri Pembinaan dan Kemajuan), IR. Dayang Siti Aidah binti Haji Mohammad; juga Pemangku Ketua Pengarah Kerja Raya, Alice Sim Sui Kau.



ANTARA yang hadir pada majlis berkenaan.

Kerjasama ekonomi ditingkatkan

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

Dari muka 11

Penandatanganan MoU Perjanjian Kerjasama antara Dewan Perniagaan dan Industri Kebangsaan Brunei dengan Persekutuan Dewan Perniagaan dan Industri Bangladesh adalah untuk meningkatkan kerjasama komersial dan ekonomi antara Kerajaan Brunei dengan republik berkenaan ke arah prospek penubuhan industri-industri di bawah usaha sama dan kerjasama bersama.

Menandatangani bagi pihak Dewan Perniagaan dan Industri Kebangsaan Brunei ialah Awang Haji Mohammad Hanafi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Abdul Rahman dan mewakili bagi pihak Persekutuan Dewan Perniagaan dan Industri Bangladesh ialah Presiden Persekutuannya, Mr. Md. Shafiul Islam Mohiuddin.

Seterusnya penandatanganan MoU antara Ghanim International Cooperation Sdn. Bhd. dan Nizam Group of Company bagi kerjasama dua hala dalam sektor halal antara kedua-dua buah negara.

Ketua Pegawai Eksekutif Eksekutif Ghanim International Cooperation Sdn. Bhd., Dr. Nur Rahman menandatangani bagi pihak syarikat tersebut dan Nizam Group of Company ditandatangani oleh Pengerusinya, Mr. Md. Nizam Uddin.

MoU tersebut bertujuan untuk mewujudkan satu kerjasama asas antara parti-parti tersebut dalam mencari sumber, membangun, berjual dan pelaburan dalam makanan halal, farmaseutikal

halal, kosmetik halal dan hasil akuakultur halal.

Manakala Penandatanganan MoU Bersama untuk Provision of Professional Skills Development and Training in Petroleum Geoscience antara Dimension Strata Sdn. Bhd. dan Green Power Limited dengan Department of Geology, Faculty of Earth and Environment Science, University of Dhaka yang bertujuan untuk mewujudkan satu kerjasama antara parti menyediakan pembangunan kemahiran geosains petroleum dan kursus-kursus latihan teknikal dan profesional dalam industri minyak dan gas dan meletakkan University of Dhaka sebagai salah satu pusat kecemerlangan tempat latihan kemahiran teknikal Petroleum Geoscience untuk industri minyak dan gas.

Pengarah Urusan Dimension Strata Sdn. Bhd., Awang Mohammad Reduan bin Haji Mohammad Yusuf menandatangani bagi pihak syarikat tersebut dan Green Power Limited, ditandatangani oleh Pengarah Urusannya, Shaikh Ehsanul Habib.

Forum berakhir dengan sesi rangkaian bersama ahli-ahli perniagaan dari kedua-dua buah negara bagi mencari dan menempa perkongsian strategik, mempromosi kerjasama dan pembangunan perniagaan.

Sesi dihadiri oleh perusahaan perniagaan dari kedua-dua buah negara dari pelbagai sektor industri termasuk Makanan dan Minuman, Pakaian dan Tekstil, Logistik dan Industri Perkhidmatan.



IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI DENGAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN-JAWATAN KOSONG SILA LAYARI
www.recruitment.gov.bn

MAKLUMAN PEMBATALAN IKLAN DI JABATAN MAJLIS-MAJLIS MESYUARAT, JABATAN PERDANA MENTERI

BIL	JAWATAN	TANGGAGAJI	KEKOSONGAN	PERATURAN	TARIKH IKLAN
1	PEMBERITA MAJLIS KANAN	C.2 EB.3	1	38(a)	24.09.2018 – 27.10.2018

Dengan ini adalah dimaklumkan bahawa iklan bagi jawatan tersebut di atas adalah dibatalkan oleh sebab-sebab yang tertentu

RALAT DI KEMENTERIAN PENDIDIKAN

BIL	JAWATAN	TANGGAGAJI	KEKOSONGAN	PERATURAN	TARIKH IKLAN
1	PEGAWAI PENDIDIKAN TINGKAT KHAS	PG.4	22	38(a)	22.04.2019 – 13.05.2019

Pembetulan Bilangan Iklan ditukar dari 32/2019 (SPA/BIKL) kepada 33/2019 (SPA/BIKL)

UNTUK MENGETAHUI MENGENAI:

Syarat-Syarat Am, Tatacara Permohonan dan juga lain-lain maklumat sila kunjungi ruangan *Announcement* di www.recruitment.gov.bn

HELPLINE:



TALIAN DARUSSALAM 123



PEJABAT PEGUAM NEGARA JABATAN PERDANA MENTERI

REQUEST FOR PROPOSALS:

PPN / K / 1 / 11 / TT / 2019 / 1
INTERIOR DESIGN AND RENOVATION INCLUDING SUPPLY AND INSTALLATION OF FURNITURES AND FIXTURES FOR TUJUH SERANGKAI MEETING ROOM LAW BUILDING
JALAN RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK SALEHA,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Tarikh Tutup:

Selasa, 30 April 2019
2:00 Petang

1. Cadangan-cadangan bagi projek tersebut diatas adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat / pemborong-pemborong yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.

2. Cadangan-cadangan tersebut mestilah dibuat di dalam borang-borang cadangan yang disediakan oleh Pejabat Peguam Negara dan penerangan lanjut bagi mengikuti cadangan ini bolehlah datang terus ke alamat seperti berikut :

**Bahagian Pentadbiran dan Kewangan
Tingkat II, Bangunan Undang-Undang dan Mahkamah-Mahkamah,
Pejabat Peguam Negara,
Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha,
Negara Brunei Darussalam.**

3. Cadangan yang lewat diterima dari tarikh yang dinyatakan di atas tidak akan dilayan.

4. Semua cadangan hendaklah dikirim dengan sampul surat yang tertutup rapi (*sealed*) tanpa menunjukkan sebarang identiti pemborong. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah dituliskan nama Request For Proposals : Interior Design and Renovation Including Supply and Installation of Furnitures and Fixtures for Tujuh Serangkai Meeting Room, Law Building, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Negara Brunei Darussalam.

5. Bayaran Borang Cadangan hendaklah dibayar ke Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Tingkat II, Bangunan Undang-Undang dan Mahkamah-Mahkamah, Pejabat Peguam Negara, Jabatan Perdana Menteri, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, bagi mendapatkan Borang Cadangan dengan harga BND5.00 (tunai). Wang ini tidak akan dikembalikan.

Waktu Menerima Bayaran

Isnin hingga Khamis
8.30 Pagi hingga 11.00 Pagi
1.45 Petang hingga 3.00 Petang
Sabtu
8.30 Pagi hingga 10.00 Pagi



JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN

SEBUT HARGA PERKHIDMATAN KANTIN

BILANGAN SEBUT HARGA :
DA / JKSH / 13 / 2019 / 2020
[BPPA-APRIL-2019]

KETERANGAN :
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN
KANTIN BAGI SEKOLAH
RENDAH MENTIRI, KLUSTER 4,
DAERAH BRUNEI MUARA,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI
TEMPOH TIGA [3] TAHUN

BAYARAN YURAN /
DOKUMEN SEBUT HARGA :
BND5.00
[bayaran dokumen sebut harga
tidak dikembalikan]

TARIKH TUTUP DAN WAKTU :
4 MEI 2019
[tidak lewat jam 9.00 Pagi]

Syarat-Syarat Iklan Sebut Harga :

1. SEBUT HARGA adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Dimiliki dan dijalankan oleh warga tempatan.

2. Sebelum mengambil borang, setiap penender hendaklah membayar borang dokumen sebut harga, di Tingkat 1, Blok 'B', Kaunter 1, Unit Tunai dan Hasil, Bahagian Perkhidmatan Kewangan 'B', Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam. Sila pastikan resit pembayaran borang dokumen sebut harga yang diterima adalah betul.

3. Borang-borang sebut harga boleh diperoleh di Tingkat 1, Blok 'A', Kaunter 6, Unit Tawaran dan Sebut Harga, Bahagian Perkhidmatan Kewangan 'A', Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam dengan menyertakan resit pembayaran dokumen.

4. Para penender yang berhasrat menyertai sebut harga ini adalah disaran untuk mendapatkan maklumat dan syarat penuh di tempat mengambil dokumen sebut harga.



MAHKAMAH PEGAWAI WARIS BANDAR SERI BEGAWAN

DI DALAM MAHKAMAH PEGAWAI WARIS BANDAR SERI BEGAWAN

SURAT KUASA PUSAKA NO. :
LA / BSB / 211 / 2019

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **HAJI MARALI BIN HJ MOHD SALLEH** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJAH NIKMAH BINTI HAJI MURSIT** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah ANAK kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **30 APRIL 2019, jam 9.30 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan percicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 2 Februari 2019.

(MUHAMMAD AMIN LIM CHING)
Penolong Pegawai Waris
Mahkamah Tinggi Brunei



JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA
DAN PELANCONGAN

PEMBERITAHUAN SEBUT HARGA
JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER
UTAMA DAN PELANCONGAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BILANGAN SEBUT HARGA :
IKAN / 78(Q) / 0003 / 2019

TAJUK SEBUT HARGA :
KERJA-KERJA MENAIKTARAF
PONDOK PENJAGA DAN GARAJ
PERAHU SERTA MEMBAIKI
KEROSAKAN SILING BILIK-BILIK
PEJABAT, PUSAT PERIKANAN
BELAIT, JABATAN PERIKANAN.

BILANGAN SEBUT HARGA :
IKAN / 78(Q) / 0004 / 2019

TAJUK SEBUT HARGA :
MEMBEKAL DAN MEMASANG
1 UNIT ENJIN OUTBOARD 85HP
MOTOR SERTA AKSESORI YANG
BERKAITAN BAGI PERAHU
ANDAPUNG BG0291

1. SEBUT HARGA hendaklah dialamatkan dan dimasukkan kepada :

Peti Sebut Harga
Jabatan Perikanan
Di Bangunan Jabatan Perikanan
Simpang 287-53
Jalan Peranginan Pantai Serasa
Muara, BT1728

Kementerian Sumber-Sumber Utama
dan Pelancongan
Negara Brunei Darussalam.

2. Sebut Harga hendaklah dihantar tidak lewat pada **Isnin, 29 April 2019, jam 2.00 Petang**. Sebut Harga yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Sebut Harga hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal / pemborong, ditulis atas sebelah kiri sampul surat.

4. Untuk penerangan lanjut dan bagi mendapatkan dokumen sebut harga, pemohon-pemohon boleh menghubungi Seksyen Pentadbiran dan Kewangan, Tingkat Bawah, Jabatan Perikanan, Simpang 287-53, Jalan Peranginan Pantai Serasa, Muara, BT1728, Negara Brunei Darussalam di talian +673 2770068, dan pembayaran dokumen sebut harga di Tingkat Bawah, Seksyen Pentadbiran dan Kewangan, Jabatan Perikanan, Simpang 287-53, Jalan Peranginan Pantai Serasa, Muara, BT1728, Negara Brunei Darussalam pada hari-hari bekerja :

Isnin hingga Khamis dan Sabtu
8.00 Pagi hingga 11.00 Pagi
1.30 Petang hingga 3.00 Petang

5. Yuran sebanyak **BND5.00** bagi satu tajuk sebut harga adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap penender.

6. Dokumen-dokumen sebut harga boleh didapati mulai **Sabtu, 20 April 2019**.



JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA
DAN PELANCONGAN

PEMBERITAHUAN TAWARAN
JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER
UTAMA DAN PELANCONGAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BILANGAN TAWARAN :
JPI / 5 / 2019

TAJUK :
SUPPLY, INSTALL, TESTING AND
COMMISSIONING OF SEAWATER
INTAKE PIPELINE EXTENSION AT
KERAMUT SEAWATER PUMP
STATION TUTONG DISTRICT

1. TAWARAN hendaklah dialamatkan dan dimasukkan kepada :

Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil
Peti Lembaga Tawaran Kecil
Kementerian Sumber-Sumber Utama
dan Pelancongan
Tingkat Bawah, Bangunan Kementerian
Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan
Jalan Menteri Besar, BB3910
Negara Brunei Darussalam.

2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar tidak lewat pada **Selasa, 30 April 2019 jam 2.00 Petang**. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Setiap tawaran hendaklah dihantar dalam setiap satu sampul surat yang tertutup tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal / pemborong, ditulis atas sebelah kiri sampul surat seperti berikut:

TAWARAN BAGI :

'SUPPLY, INSTALL, TESTING AND
COMMISSIONING OF SEAWATER
INTAKE PIPELINE EXTENSION AT
KERAMUT SEAWATER PUMP
STATION TUTONG DISTRICT'

Bilangan tawaran : JPI / 5 / 2019
Tarikh tutup : 30 April 2019
Jam tutup : 2.00 Petang

4. Untuk penerangan lanjut dan bagi

mendapatkan dokumen tawaran, pemohon-pemohon boleh menghubungi Seksyen Pentadbiran dan Kewangan, Tingkat Bawah, Jabatan Perikanan, Kompleks Perikanan Muara, Simpang 287-53, Jalan Peranginan Pantai Serasa, Muara, BT1728, Negara Brunei Darussalam di talian +673 2770068, atau melayari laman sesawang Jabatan Perikanan : www.fisheries.gov.bn dan pembayaran dokumen tawaran di Tingkat Bawah, Seksyen Pentadbiran dan Kewangan, Jabatan Perikanan, Kompleks Perikanan Muara, Simpang 287-53, Jalan Peranginan Pantai Serasa, Muara, BT1728, Negara Brunei Darussalam pada hari-hari bekerja :

Isnin hingga Khamis dan Sabtu
8.00 Pagi hingga 11.30 Pagi
1.45 Petang hingga 3.00 Petang

5. Yuran sebanyak **BND50.00** bagi setiap satu tajuk tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap penender.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran tidak munasabah.

7. Salinan dokumen-dokumen seperti Pendaftaran Perniagaan, Lesen Rampaian, Kad Pengenalan / Pasport dan Daftar Pemilih syarikat hendaklah disertakan semasa mengambil dan menghantar borang tawaran.

8. Dokumen-dokumen tawaran boleh didapati mulai **Rabu, 17 April 2019**.

9. Sesi taklimat (*briefing*) bagi tawaran-tawaran diatas adalah dimestikan dan akan diadakan seperti berikut :

Pada : 27 April 2019 (Sabtu)
Jam : 9.00 Pagi
Tempat :
Kampung Keramat Seawater Pump
Station Telisai, Tutong
Negara Brunei Darussalam.



JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
KEMENTERIAN TENAGA (TENAGA DAN TENAGA MANUSIA)
DAN PERINDUSTRIAN

NOTIS JUALAN LELONG SECARA
TAWARAN AWAM

Tempat : Stor 66kv P. Putih
Tanjong Maya, Tutong

PETI TAWARAN SEBUT HARGA
TINGKAT 1
BAHAGIAN PENGHANTARAN
& PEMBAHAGIAN
IBU PEJABAT JABATAN
PERKHIDMATAN ELEKTRIK
LAPANGAN TERBANG LAMA
BERAKAS
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

TAWARAN DIIKLANKAN

TARIKH DIBUKA : 22 April 2019 (Isnin)

TARIKH DITUTUP : 1 Mei 2019
(Rabu) (jam 3.00 Petang)

TARIKH MENYAKSIKAN
22 April 2019 hingga 1 Mei 2019
8.30 Pagi hingga 11.30 Pagi
(pada hari-hari waktu bekerja)

Lot. 1
Keterangan dan Kuantiti :
96 Unit Transformer

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN adalah dipelawa kepada pemborong-pemborong firma swasta dan orang-orang perseorangan. Barang yang ditawarkan adalah berasaskan sebagaimana keadaan semasa ditawarkan.

2. Borang tawaran, syarat-syarat dan keterangan lanjut mengenai bolehlah diperoleh dari **Unit Pendaftaran, Bahagian Perdagangan, Tingkat 1, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri, Lapangan Terbang Lama Berakas** atau menghubungi di talian +673 2382090 sambungan 201.

3. Borang tawaran yang lengkap hendaklah dihantar ke **Bahagian Penghantaran & Pembahagian, Tingkat 1, Ibu Pejabat Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam** dalam sampul surat yang tertutup dengan membubuh tajuk **"TAWARAN LELONG SEBUT HARGA TERTUTUP, BIL. RUJUKAN : KKW/ / / dan dimasukkan ke dalam peti tawaran yang telah disediakan.**



JABATAN PERCETAKAN KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI

TAWARAN PEMBEKALAN KERTAS
80 GSM NEWSPAPER ROLL
(KERTAS PELITA BRUNEI) KE
JABATAN PERCETAKAN
KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BILANGAN TAWARAN :
GP / STI / KORP / 2 - 2019 / 002

KETERANGAN BARANG :
Jenis Kertas : High White, Woodfree, Uncoated Paper
Basis Weight (g/m²) : 80 gsm
Core Diameter (mm) : 76 mm
Reel Width (mm) : 787 mm
Reel Diameter (mm) : Minimum 900 mm / Maximum 1,200 mm
Brightness (%) : Maximum 94%
Whiteness CIE (%) : Minimum 141%
Opacity ISO (%) : Minimum 94%
Thickness (Microns) : Minimum 99 Microns
Moisture (%) : 6 - 8%
Wrapping : Strong Moisture Proof (Polyethylene Laminated Kraft Paper / Strong Kraft Paper)
Kuantiti dikehendaki : 200 Tan Metrik (Metric Ton)

TAWARAN PEMBEKALAN SAMPUL
SURAT KE JABATAN
PERCETAKAN KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BILANGAN TAWARAN :
GP / KORP / STI / 2 - 2019 / 003

KETERANGAN BARANG :
1. 80Gsm High White Wove Envelope
- Wallet Cut with Side Seam
Ukuran (MM) : DL 110 X 220
Glue : Normal Glue
Printed : Printed
Quantity : 1,000,000 pcs

2. 80Gsm High White Wove Envelope
- Wallet Cut with Side Seam (Window)
Ukuran (MM) : DL 110 X 220
Glue : Normal Glue
Printed : Printed
Quantity : 1,500,000 pcs

3. 100Gsm High White Wove Envelope
- Open End with Side Seam
Ukuran (MM) : C5 162 X 229
Glue : Peel and Seal
Printed : Printed
Quantity : 500,000 pcs

4. 100Gsm High White Wove Envelope
- Open End with Side Seam
Ukuran (MM) : B5 176 X 250
Glue : Peel and Seal
Printed : Printed
Quantity : 100,000 pcs

5. 120Gsm High White Wove Envelope
- Open End with Side Seam
Ukuran (MM) : C4 229 X 324
Glue : Peel and Seal
Printed : Printed
Quantity : 800,000 pcs

6. 120Gsm High White Wove Envelope
- Open End with Side Seam
Ukuran (MM) : B4 254 X 356
Glue : Peel and Seal
Printed : Printed
Quantity : 50,000 pcs

7. 120Gsm High White Wove Envelope
- Open End with Side Seam
Ukuran (MM) : C3 324 X 458
Glue : Peel and Seal
Printed : Printed
Quantity : 100,000 pcs

TAWARAN "SUPPLY & DELIVERY
OF NEW CAR (SUV WITH
7 SEATERS)" KE JABATAN
PERCETAKAN KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BILANGAN TAWARAN :
GP / KORP / STI / 2 - 2019 / 004

KETERANGAN BARANG :
JENIS KENDERAAN : Kereta
MODEL : SUV
SEATING CAPACITY : 7 Seaters
NO. OF DOORS : 5 Doors
KUANTITI : 1 Lot

DOKUMEN-dokumen dan syarat-syarat bagi pembekal dan pembayaran bagi yuran tawaran BND30.00 (tidak dikembalikan) bagi setiap tawaran boleh dibuat di Kaunter 1, Bahagian Perkhidmatan Pelanggan, Bay 1, Aras Bawah, Jabatan Percetakan Kerajaan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510, Negara Brunei Darussalam bila-bila masa waktu bekerja.

Tempat menghantar Tawaran :
Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil
Jabatan Perdana Menteri
Level 1, Bangunan Jabatan Perdana
Menteri
Jalan Perdana Menteri
Bandar Seri Begawan
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Tutup menghantar Tawaran pada :
Selasa, 14 Mei 2019,
jam 2.00 Petang

Maklumat lanjut mengenai syarat-syarat dan borang tawaran, sila hubungi Dayang Hajah Nor Khadijah binti Haji Donglah, Jabatan Percetakan Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Lapangan Terbang Lama, Berakas, melalui talian +673 2382541 sambungan 163 atau e-mel khadijah.donglah@printing.gov.bn

Kerjasama kunci utama masa depan tenaga



MENTERI Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mat Suny bin Haji Md. Hussien memberikan ucapan khas.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 23 April. - Sejak sekian lama menikmati sejarah pertukaran kakitangan dalam minyak dan gas bagi pembangunan kapasiti bersama rakyat melalui Syarikat Minyak Brunei Shell (BSP) dan Petroleum Development Oman (PDO), interaksi di antara kedua-dua syarikat berperanan menggalakkan kerjasama meluas dan hubungan rakyat dengan rakyat.

Tiada keraguan bahawa kerjasama di antara kedua-dua buah negara merupakan kunci utama dalam menangani cabaran masa kini dan masa depan bagi sektor tenaga.

Perkara tersebut antara yang digariskan oleh Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mat Suny bin Haji Md. Hussien pada Seminar Bersama Brunei-Oman Kali Ketiga yang berlangsung selama dua hari bertempat di Dewan Bankuet,

Bangunan Jabatan Perdana Menteri.

Yang Berhormat Dato juga menekankan bagi memupuk rakyat di negara ini untuk mengambil peranan penting dalam industri minyak dan gas negara, selain keperluan untuk memanfaatkan amalan terbaik dan teknologi antarabangsa bagi memaksimumkan potensi industri minyak dan gas di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Beliau menjelaskan NBD melalui Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian memberikan perhatian lebih dalam memastikan rakyat tempatan dapat mengisikan peluang pekerjaan dalam sektor tenaga dan industri lain.

Seminar yang bertemakan 'Rakan Kongsi Brunei dan Oman: Mengukuhkan Kerjasama Ke Arah Meningkatkan Kedayatahan' itu antara lain memfokuskan skop perbincangan mengenai peluang kerjasama untuk menggabungkan topik mengenai nilai dan tenaga kerja dalam negara, sebagai tambahan kepada kerjasama hulu dan hiliran minyak dan gas.

Selain itu, kedayatahan turut ditekankan lagi untuk menunjukkan kecenderungan transformasi bagi keselamatan tenaga bagi jangka panjang berikutan perubahan tenaga global.

Dalam pada itu, Menteri Minyak dan Gas Kesultanan Oman, Tuan Yang Terutama Dr. Mohammed bin Hamad Al Rumhy, dalam ucapannya juga menekankan bahawa seminar telah berkembang di luar sektor tenaga, dan telah

membawa minat dari sektor lain untuk berkongsi dan menangani cabaran yang dihadapi kedua-dua negara.

Tuan Yang Terutama turut menekankan bahawa kepimpinan dari kedua-dua kerajaan banyak menyumbang untuk memudahkan asas kerjasama untuk meningkatkan ekonomi dan kesejahteraan sosial kedua-dua negara.

Kedua-dua Menteri juga bersetuju bahawa terdapat banyak peluang berpotensi untuk kedua-dua negara membincangkan dan berharap menerusi seminar tersebut akan menggalakkan dialog dan pertukaran maklumat dan amalan terbaik, serta kerjasama yang lebih baik.

Juga hadir sama pada majlis tersebut ialah Timbalan Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Matsatejo bin Sokiaw; Setiausaha-setiausaha Tetap; Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap; Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan dan para jemputan khas.

Seminar Bersama itu terdiri daripada tiga sesi antaranya mengenai Nilai Dalam Negara (ICV); Kerjasama Hulu dan Hiliran; dan Tenaga Manusia.

Sesi pertama hari ini memberi tumpuan kepada inisiatif ICV dalam sektor minyak dan gas NBD dan Kesultanan Oman.

ICV sedang diamalkan oleh kedua-dua negara sebagai satu cara untuk menggalakkan berputar ke ekonomi tempatan melalui penggunaan barangan dan perkhidmatan tempatan dan penggajian pekerja tempatan.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



MENTERI Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, dan Menteri Minyak dan Gas Kesultanan Oman melawat pameran BSP.



ANTARA yang hadir menyertai Seminar Bersama Brunei-Oman Kali Ketiga.

Ketahui kaedah penyelenggaraan ugama Islam



MUFTI Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned semasa menerima kunjungan hormat Menteri Muda Elektrik Luar Bandar Sarawak selaku Menteri Bertanggungjawab Hal Ehwal Islam Sarawak, Yang Berhormat Datuk Dr. Haji Abdul Rahman bin Haji Junaidi bertempat di Pejabat Yang Berhormat Pehin di Darulifta, Jalan Babu Raja.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 23 April. - Untuk mengetahui lebih dekat mengenai kaedah penyelenggaraan ugama Islam di Negara Brunei Darussalam, Menteri Muda Elektrik Luar Bandar Sarawak selaku Menteri Bertanggungjawab

Hal Ehwal Islam Sarawak, Yang Berhormat Datuk Dr. Haji Abdul Rahman bin Haji Junaidi bersama rombongan telah mengadakan perbincangan mengenai pengurusan waqaf, pensijilan halal, sistem pengurusan hal ehwal masjid dan pengajian pendidikan

ugama di negara ini.

Sepanjang lawatan empat hari itu, rombongan berkesempatan membuat kunjungan muhibah kepada Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul

Aziz bin Juned yang berlangsung di pejabat Yang Berhormat Mufti Kerajaan di Darulifta Brunei Darussalam.

Kedatangan rombongan dialu-alukan oleh Timbalan Mufti Kerajaan, Yang Mulia Dato Seri Setia Dr. Haji Japar bin Mat Dain

Oleh : Wan Mohamad Sahran
Wan Ahmadi

Foto : Ampuan Haji Mahmud
Ampuan Haji Tengah

@ Maidin; Penolong Mufti (Buhuth), Dato Seri Setia Dr. Haji Mazanan bin Haji Yusuf serta pegawai-pegawai kanan Jabatan Mufti Kerajaan.

Delegasi seramai 17 orang itu juga disertai oleh isteri Yang Berhormat Datuk Dr. Haji Abdul Rahman, Yang Berbahagia Datin Hajah Siti Rogayah binti Haji Ahmad Zaidin; Yang Di-Pertua Majlis Islam Sarawak, Yang Berbahagia Datu Haji Misnu bin Haji Taha dan isteri, Yang Berbahagia Datin Hajah Jamilah binti Haji Said; Mufti Sarawak, Sahibus Samahah Datu Haji Kipli bin Haji Yassin; Pengurus Besar Tabung Baitulmal Sarawak, Abang Haji Mohd. Shibli bin Haji Abang Mohd. Nailie; Ketua Hakim Syarie, Yang Amat Arif Tuan Haji Awang Suhaili bin Awang Ledi dan beberapa pegawai Jabatan Agama Islam Sarawak dan Majlis Islam Sarawak.

Kunjungi Muzium Alat Kebesaran Diraja



Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Azmah Haji Ahad

PERDANA Menteri Republik Rakyat Bangladesh, Puan Yang Terutama Sheikh Hasina semasa mendengar taklimat dan menyaksikan alat kebesaran diraja antaranya 'Usongan Diraja', Puan Kerajaan, Lembing dan Taming, Tombak Benderangan dan Payung Dadu dengan secara lebih dekat (kiri dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Selesa, 23 April. - Muzium Alat Kebesaran Diraja, Jabatan Muzium-Muzium hari ini menerima lawatan daripada Perdana Menteri Republik Rakyat Bangladesh, Puan Yang Terutama Sheikh Hasina dan rombongan.

Ketibaan Puan Yang Terutama Perdana Menteri Republik Rakyat Bangladesh di Muzium Alat Kebesaran Diraja dialu-alukan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Turut hadir, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong selaku Menteri Pengiring.

Juga mengalu-alukan ketibaan Puan Yang Terutama ialah Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Datin Paduka Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil dan Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), KKBS, Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah, beserta pegawai kanan KKBS dan Jabatan Muzium-Muzium.

Sejurus ketibaan, PYT dibawa melawat ke ruang pameran Istiadat Perpuspaan 1968 (Coronation 1968) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Galeri Pameran Jubli Perak.

Antara yang menjadi perhatian PYT ialah 'Usongan Diraja' yang telah digunakan semasa Istiadat Perpuspaan pada 5 Oktober 1968 dan 'Usongan Diraja' sempena

Sambutan Jubli Perak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta yang mana kedua-dua peristiwa ini mengelilingi Bandar Brunei dan diiringi oleh pembesar-pembesar negara dan pegawai-pegawai istana dengan membawa alat-alat kebesaran diraja antaranya Puan Kerajaan, Lembing dan Taming, Tombak Benderangan dan Payung Dadu.

Seterusnya, PYT melawat Galeri Pameran Jubli Perak yang mempamerkan suasana sekitar sambutan Jubli Perak yang

menandakan genap 25 tahun Kebawah Duli Yang Maha Mulia Menaiki Takhta pada tahun 1992.

Lawatan PYT berakhir dengan menandatangani lembaran kenangan ke Muzium Alat Kebesaran Diraja dan seterusnya penyampaian cenderamata oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dan sesi bergambar ramai.

Muzium Alat Kebesaran Diraja telah dibukakan untuk kunjungan orang ramai sejak 30 September 1992 dan mempunyai empat galeri iaitu Galeri Pameran Alat-Alat Kebesaran Diraja (Perpuspaan, 1968), Galeri Pameran Diraja, Galeri Pameran Jubli Perak dan Galeri Pameran Jubli Emas yang khusus mempamerkan perkembangan Negara Brunei Darussalam sepanjang 50 tahun pemerintahan baginda.

Muzium Alat Kebesaran Diraja telah memenangi Anugerah Best Attraction Award oleh Asia Travel and Tourism dan TripAdvisor Certificate of Excellence 2012.

Sepanjang tahun 2018, Muzium Alat Kebesaran Diraja telah mencatat seramai 149,720 pelawat, 80 peratus terdiri daripada pengunjung luar negara.

Muzium Alat Kebesaran Diraja dibukakan untuk kunjungan orang ramai setiap hari antara jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang kecuali Jumaat, ditutup antara jam 11.30 pagi hingga 2.30 petang. Masuk adalah percuma.

MINDA PEMBACA

Pengusaha tempatan mampu beri impak pertumbuhan ekonomi

RAKYAT Negara Brunei Darussalam sering kali diseru untuk menanamkan sifat berdikari dengan menceburi bidang perniagaan untuk menambahkan sumber pendapatan masing-masing. Ia diharap bukan sahaja dapat menghakis sikap kebergantungan rakyat kepada kerajaan malah berkecimpung dalam bidang keusahawanan ini juga dapat menyumbangkan kesan yang positif kepada ekonomi, sejajar dengan misi negara untuk mencapai Wawasan 2035.

Maka tidak hairanlah apabila bilangan pengusaha tempatan di negara ini kian bertambah. Ramai anak-anak tempatan, tidak mengenal usia sama ada yang muda ataupun tua, berlumba-lumba untuk merebut

peluang menyahut cabaran tersebut. Antara cabang perniagaan yang kerap dipilih ialah makanan dan minuman, kecantikan dan pakaian. Pada zaman teknologi maklumat seperti sekarang ini juga, rata-rata pengusaha mengambil kesempatan menggunakan media sosial sebagai strategi pemasaran.

Semangat berniaga seperti ini seharusnya dipuji dan diberikan galakan. Bahkan, badan-badan yang berwajib mempunyai peranan untuk mendukung usahawan-usahawan ini untuk memajukan perniagaan mereka. Antara kumpulan yang giat mengukuhkan tujuan ini ialah antaranya Darussalam Enterprise (DARE), syarikat pengurusan acara Battle Pro MMS dan sebagainya. Mereka bukan

sahaja menawarkan perkhidmatan yang mampu mengembangkan perusahan-perusahaan kecil dan sederhana sahaja, malahan mereka juga menyediakan platform untuk memudahkan sesiapa sahaja yang ingin memulakan perniagaan.

Dengan meningkatnya jumlah pengusaha-pengusaha di negara ini, peluang pekerjaan untuk anak-anak tempatan juga semakin bertambah. Hal ini, adalah sesuatu yang menggalakkan kerana kebanyakan peluang ini sesuai untuk anak-anak muda yang kurang berpengalaman tetapi mempunyai minat dalam bidang keusahawanan. Di sini sifat berdaya saing secara sihat untuk berinovasi juga dapat dipupuk dan secara tidak langsung, dapat mempertingkatkan kecekapan dalam

bekerja dalam kalangan anak-anak tempatan.

Justeru, adalah penting untuk badan-badan berwajib dan masyarakat negara ini untuk sama-sama memberikan sokongan kepada pengusaha-pengusaha tempatan demi mengembangkan perniagaan mereka, dan sekaligus memberikan impak pertumbuhan kepada ekonomi negara. Siapa tahu, dengan adanya dorongan yang padu ini, Negara Brunei Darussalam akan diangkat sebagai pusat pengeksportan produk tempatan yang dikenali di persada dunia suatu hari nanti.

Nama : Nurul Akmal binti A. Abdul Ghani
No. K/P : 01-046626 (K)

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :
TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 'Harta Benda Awam Tanggungjawab Masyarakat'. Tarikh Tutup : 24 April 2019
- 'Membentuk Keluarga Bahagia dan Harmoni'. Tarikh Tutup : 1 Mei 2019
- 'Puasa Ramadan Memantapkan Iman dan Taqwa'. Tarikh Tutup : 8 Mei 2019

Terma dan Syarat :

- Penyertaan dibuka kepada remaja yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300** patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui
E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi

BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Apa yang dimaksudkan dengan berpuasa pada Hari Syak

(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

PUASA merupakan ibadat yang istimewa di sisi Allah Subhanahu Wata'ala kerana ganjaran pahala bagi orang yang berpuasa itu diberikan khusus oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Selain berpuasa pada bulan Ramadan, kita juga dituntut untuk mengerjakan puasa-puasa sunat, seperti puasa hari 'Asyura, hari 'Arafah, hari Isnin dan Khamis, enam hari pada bulan Syawal dan lain-lain.

Walaupun bagaimanapun, adakalanya berpuasa itu dilarang mengerjakannya pada waktu-waktu tertentu, seperti berpuasa pada Hari Raya Aidilfitri, Hari Raya Aidiladha dan hari-hari Tasyriq, iaitu 11, 12 dan 13 Zulhijjah. Hukum berpuasa pada hari-hari tersebut adalah haram dan tidak sah sama ada puasa wajib ataupun puasa sunat.

Larangan berpuasa pada Hari Raya ada disebutkan dalam hadis yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu :

Maksudnya : "Bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam melarang daripada berpuasa dua hari, iaitu Hari (Raya) Adha dan Hari (Raya) Fitri."

(Hadis riwayat Muslim)

Sementara larangan berpuasa pada hari-hari Tasyriq ada disebutkan dalam hadis yang diriwayatkan daripada Nubaisyah al-Huzali Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Hari-hari Tasyriq adalah hari makan dan minum."

(Hadis riwayat Muslim)

Demikian juga mengerjakan puasa sunat pada hari-hari separuh kedua bulan Syaaban dengan tanpa ada sebab ataupun ia dikerjakan tanpa bersambung dengan separuh pertama bulan Syaaban,

hukumnya adalah haram. Sebagaimana diriwayatkan daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Jika masuk separuh bulan Syaaban maka janganlah kamu berpuasa."

(Hadis riwayat Abu Daud)

Menyentuh mengenai larangan berpuasa pada hari-hari tertentu ini, timbul juga persoalan mengenai hukum berpuasa pada Hari Syak. Apakah kedudukan hukum berpuasa pada hari tersebut sama ada puasa wajib, seperti puasa qada ataupun puasa sunat? Sebelum menjawab persoalan tersebut elok dijelaskan terlebih dahulu apa yang dimaksudkan dengan Hari Syak.

Maksud Hari Syak

Hari Syak ialah hari yang ke-30 pada bulan Syaaban, apabila tersebar khabar dalam kalangan orang ramai bahawa anak bulan Ramadan telah dilihat pada malam tersebut, akan tetapi tidak diketahui siapa yang melihatnya dan tidak dipersaksikan penglihatannya oleh seseorang yang diterima persaksiannya ataupun penglihatannya dipersaksikan oleh mereka yang tidak diterima persaksiannya, seperti kanak-kanak, hamba, fasiq atau perempuan. Oleh itu, jika terjadi perkara sedemikian, pada 30 Syaaban sama ada pada malam tersebut anak bulan dilindungi awan ataupun tidak, maka hari tersebut digelar sebagai Hari Syak.

Adapun jika pada 30 Syaaban itu tidak terjadi perkara tersebut, iaitu tidak tersebar khabar dalam kalangan orang ramai bahawa anak bulan Ramadan telah dilihat pada malam tersebut, maka tidaklah dikatakan hari itu sebagai Hari Syak, bahkan ia adalah termasuk hari-hari daripada bulan Syaaban.

Walaupun bagaimanapun, berpuasa sunat pada 30 Syaaban (dalam keadaan tidak terjadi syak padanya) adalah tetap haram apabila puasa sunat itu dilakukan tanpa ada sebab ataupun ia dikerjakan tanpa bersambung dengan separuh pertama

bulan Syaaban. Ini kerana ia termasuk dalam larangan berpuasa sunat pada hari-hari separuh kedua bulan Syaaban sebagaimana hadis yang dinyatakan di atas.

Apabila Berlaku Tidak Nampak Anak Bulan Disebabkan Terlindung Awan Adakah Dikira Sebagai Hari Syak

Jika anak bulan tidak nampak dilihat disebabkan terlindung oleh awan, maka pada hari tersebut tidak dinamakan ia sebagai Hari Syak bahkan ia termasuk dalam hari-hari bulan Syaaban. Ini adalah berdasarkan hadis yang diriwayatkan daripada Ibn 'Umar Radiallahuanhuma, beliau mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Jika kamu melihatnya (anak bulan Ramadan) maka berpuasalah kamu dan jika kamu melihatnya (anak bulan Syawal) maka berbukalah kamu. Akan tetapi jika terlindung (anak bulan oleh awan) ke atas kamu maka kamu sempurnakanlah ia (bulan Syaaban itu 30 hari)."

(Hadis riwayat al-Bukhari)


Hukum Berpuasa Pada Hari Syak

Berpuasa pada Hari Syak hukumnya adalah haram apabila puasa yang dilakukan itu tanpa ada sebab. Menurut pendapat yang *ashah*, jika dilakukan juga puasa tersebut pada Hari Syak maka hukumnya adalah tidak sah. Larangan berpuasa pada Hari Syak adalah berdasarkan riwayat 'Ammar bin Yasir Radiallahuanhu, beliau berkata :

Maksudnya : "Sesiapa berpuasa pada hari yang orang ramai syak padanya (Hari Syak), maka sesungguhnya dia telah menderhakai Abu al-Qasim (Nabi) Sallallahu Alaihi Wasallam."

(Hadis riwayat at-Tirmidzi)

Adapun jika seseorang itu berpuasa pada Hari Syak dengan ada sebab maka hukumnya adalah harus. Apa yang dimaksudkan dengan puasa yang ada sebab itu ialah seperti puasa nazar, *kaffarah* dan puasa qada sama



IRSYAD HUKUM

Jabatan Mufti Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Website : www.mufti.gov.bn
E-mail : mufti@brunei.bn - fatwa@brunei.bn

ada mengqada puasa yang fardu ataupun yang sunat. Ia harus dilakukan dan tidak makruh sebagaimana menurut pendapat yang *ashah*. Ini kerana ia mempunyai sebab dan kerana untuk menyejatkan melepaskan diri daripada tanggungan.

Antara sebab yang lain lagi adalah, seperti puasa sunat yang sudah menjadi adat kebiasaan. Sebagai contoh, kebiasaan orang itu berpuasa sunat hari Isnin atau puasa sunat hari Khamis atau puasa sunat berselang-seli, sehari berpuasa dan sehari tidak berpuasa, jika bertepatan puasa sunatnya itu dengan hari Syak maka hukumnya harus dan sah puasanya itu.

Demikianlah penjelasan mengenai apa yang dimaksudkan dengan berpuasa di Hari Syak. Hari Syak hanya terjadi disebabkan wujudnya perkhayaban orang ramai bahawa anak bulan Ramadhan telah nampak dilihat sedangkan tidak diketahui siapa yang melihatnya atau tidak dipersaksikan penglihatannya oleh seseorang yang diterima persaksiannya ataupun penglihatannya dipersaksikan oleh mereka yang tidak diterima persaksiannya. Namun jika tidak timbul perkhayaban tersebut maka tidaklah ia dikatakan sebagai hari Syak bahkan ia adalah termasuk hari-hari bulan Syaaban.

Meringankan bebanan mereka



PEMANGKU Setiausaha MUIB, Awang Haji Abdul Aziz bin Haji Akop semasa hadir menyempurnakan penyampaian Bantuan Agihan Zakat Perubatan kepada Awang Haji Malik bin Haji Bakar bertempat di Kampung Setia B (kiri). Sementara gambar kanan, Awang Muhammad Rizal bin Mohammad Zaini menerima Bantuan Agihan Zakat Modal Peralatan Berusaha berbentuk sebuah mesin rumput jenis bersikut di STKRJ Kampung Lambak Kiri.



Berita dan Foto :
Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 23 April. - Asnaf Fakir Miskin di Negara Brunei Darussalam terus mendapat perhatian daripada Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dalam meringankan

bebanan kehidupan mereka.

Sehubungan itu, Majlis Penyerahan Agihan Zakat Peralatan Perubatan dan Agihan Zakat Modal Peralatan Berusaha telah diadakan pagi tadi secara berasingan di empat buah tempat, di sini.

Mula-mula Majlis Penyerahan Agihan Zakat telah berlangsung di kediaman Awang Mohammad Sardi bin Haji Timor di Jalan Kulapis, Kampung Kulapis yang menerima Bantuan Zakat Peralatan Perubatan iaitu sebuah alat bantu pendengaran.

Rombongan MUIB seterusnya menyerahkan Bantuan Agihan Zakat Perubatan yang juga merupakan alat bantu pendengaran yang diterima oleh Awang Haji Malik bin Haji Bakar bertempat di Kampung Setia 'B'.

Penerima ketiga yang turut menerima sebuah alat bantu pendengaran daripada Agihan Zakat Perubatan ialah Awang Haji Damit bin Haji Md. Salleh yang menetap di Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) Kampung Sungai Buloh.

Sementara Awang Muhammad Rizal bin Mohammad Zaini menerima Bantuan Agihan Zakat Modal Peralatan Berusaha berbentuk sebuah mesin rumput jenis bersikut di STKRJ Kampung Lambak Kiri.

Penyerahan agihan zakat tersebut disempurnakan oleh Pemangku Setiausaha MUIB, Awang Haji Abdul Aziz bin Haji Akop.

Kesemua peralatan berjumlah BND5,143 diambil dari peruntukan Kumpulan Wang Zakat Asnaf Fakir Miskin MUIB.

Dengan adanya bantuan-bantuan tersebut diharap akan dapat meningkatkan semangat dan usaha para penerima agar berusaha lebih gigih dalam meningkatkan taraf kehidupan yang lebih baik dan sempurna.

46 kes Talasemia dikesan

risiko penyakit Talasemia melalui taklimat daripada Ward 29 Pediatric Hematology, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan pengesanan awal pembawa Talasemia kalangan penduduk lelaki dan wanita untuk mengurangkan bilangan pesakit.

Penyakit Talasemia merupakan penyakit darah keturunan yang diwarisi daripada keluarga yang mempunyai sejarah Talasemia, seperti dari ibu dan bapa yang mempunyai gen pembawa (*carrier genes*) diturunkan kepada kanak-kanak dengan peratusan

risiko yang berlainan untuk setiap kehamilan.

Dalam temu bual Pelita Brunei bersama Pegawai Jururawat dari Pusat Perempuan dan Kanak-Kanak Hospital RIPAS, Dayang Norain binti Awang Ali mengongsikan statistik pada tahun 2018 yang mana sebanyak 46 kes Talasemia major dalam kalangan kanak-kanak di Negara Brunei Darussalam telah dikesan, iaitu mereka yang mempunyai baka Talasemia sepenuhnya yang diwarisi daripada kedua ibu bapa mereka.

Pesakit Talasemia lazimnya dikesan melalui tanda-tanda dan

Berita dan Foto :
Hernie Suliana Haji Othman

gejala yang dikenal pasti seperti tubuh pucat, tumbesaran yang terbantut, kurang konsentrasi dan hanya dapat dirawat melalui pemindahan darah (*blood transfusion*) secara teratur setiap bulan.

Oleh itu, tambahnya, kesedaran mengenai penyakit tersebut hendaklah ditingkatkan dengan menjalani *blood screening* atau ujian darah untuk mengetahui status Talasemia sebelum

pasangan lelaki dan wanita mengambil keputusan untuk berkahwin bagi mengurangkan risiko penyakit tersebut diturunkan kepada anak-anak.

Selain daripada taklimat kesedaran, beberapa aktiviti juga telah dijalankan pada sebelah pagi seperti pameran-pameran berkaitan Talasemia, permainan dan kuiz, serta konsultasi bersama pegawai-pegawai kesihatan yang hadir.



PEGAWAI Jururawat dari Pusat Perempuan dan Kanak-Kanak Hospital RIPAS, Dayang Norain binti Awang Ali menyampaikan taklimat kesedaran penyakit Talasemia kepada penuntut Tingkatan Enam Bawah Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah (MDPMAMB).

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 22 April. - Bagi meningkatkan kesedaran penyakit darah keturunan atau Thalassaemia (Talasemia) kalangan penuntut, Unit Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah (MDPMAMB) menganjurkan Hari Kesedaran Talasemia bagi penuntut maktab tersebut yang diadakan di Auditorium MDPMAMB, Gadong.

Lebih 400 penuntut Tingkatan Enam Bawah didedahkan kepada



SEBAHAGIAN daripada penuntut Tingkatan Enam Bawah MDPMAMB yang hadir bagi taklimat kesedaran penyakit Talasemia yang diadakan di Auditorium maktab tersebut (kiri dan kanan).



Berbakti kepada ibu bapa kunci keberkatan hidup



BERBAKTI kepada kedua ibu bapa adalah antara tanggungjawab yang wajib dilaksanakan oleh setiap umat Islam. Perintah mentaati keduanya adalah antara hak yang penting setelah menunaikan hak Allah Subhanahu Wata'ala dan Rasul-Nya. Perintah tersebut dijelaskan dalam beberapa ayat dalam Al-Quran antaranya dalam Surah al-Israa' ayat 23 yang tafsirnya : "Dan Tuhanmu telah memerintahkan supaya kamu jangan menyembah selain Dia semata-mata dan hendaklah kamu berbuat baik kepada ibu bapa dengan sebaik-baiknya. Ini bermakna taatnya anak kepada orang tua dalam perkara-perkara makruf merupakan bahagian daripada mentaati Allah dan Rasul-Nya."

Anak-anak wajib menghormati, mentaati dan berbuat baik kepada ibu bapa sebagai penghormatan tertinggi daripada anak-anak dan demi membalas jasa ibu bapa mereka. Justeru itu, pengorbanan kedua ibu bapa jelas termaktub dalam Surah Luqman, ayat 14, tafsirnya : "Dan Kami memerintahkan manusia supaya berbuat baik kepada ibu bapanya, ibunya telah mengandungkannya dengan menanggung kelemahan demi kelemahan dan tempoh menghentikan penyusuanannya dalam dua tahun, (dengan demikian) : "Bersyukurlah kepada-Ku dan kepada kedua ibu bapamu. Kepada Aku jualah tempat kembali."

Ayat ini jelas menegaskan bahawasanya pengorbanan dan jasa ibu bapa itu tidak terkira nilainya dalam membesarkan

anak-anak. Setiap kudrat dan usaha dalam membela dan membesarkan anak-anaknya tidak boleh dipandang remeh bagi setiap mereka yang bergelar anak. Mereka merupakan orang yang bertanggungjawab mencari rezeki, menyara nafkah anak, memberi kasih sayang dan memberikan pendidikan yang terbaik.

Dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari menceritakan sebuah kisah daripada Said bin Abi Burdah tentang seorang lelaki Yaman yang bertawaf sambil mendukung ibunya dengan penuh cermat. Sebaik selesai tawaf, beliau bertanya kepada Ibnu Umar : "Apakah dengan khidmat dan pengorbananku ini telah dapat membalas jasa bakti ibuku?"

Jawab Ibnu Umar : "Tidak, apa yang telah kamu lakukan tadi tidak akan dapat menebus jasa ibumu sekalipun sekadar hembusan nafas ketika kesakitan melahirkan kamu."

Oleh yang demikian, pengorbanan mereka tidak dapat dibalas walaupun dengan bakti seluas lautan.

Oleh itu, agama Islam menyeru untuk berbuat ihsan kepada ibu bapa supaya mereka dapat menikmati kualiti hidup yang sempurna di dunia ini. Ini termasuklah menjaga tingkah laku, perkataan, perbuatan daripada sebarang kekasaran yang boleh melukakan hati mereka sepertimana dalam Surah al-Israa', ayat 23 : "Maka janganlah sekali-kali engkau mengatakan kepada kedua-duanya (sesuatu perkataan yang boleh menyinggung perasaan, seperti perkataan) 'ah' dan janganlah engkau menengking kedua-duanya tetapi ucapkanlah kepada kedua-duanya perkataan yang mulia (dengan berlemah lembut dan bersopan santun)."

Namun berbakti kepada kedua ibu bapa tidaklah hanya pada masa mereka hidup tetapi ia hendaklah berterusan walaupun setelah mereka meninggal dunia. Anak-anak masih boleh menyumbangkan bakti dengan pelbagai amalan, seperti menyedekahkan pahala bacaan doa dan Al-Quran agar mereka mendapat keampunan daripada Allah Subhanahu

Wata'ala, memperbanyakkan istighfar, bersedekah, membayar segala hutang piutang serta melaksanakan semua wasiat yang mereka tinggalkan selagi wasiat tersebut tidak bercanggah dengan hukum syarak. Sesungguhnya doa anak yang soleh akan terus-menerus sampai kepada kedua ibu bapanya yang berada di alam kubur. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah al-Israa', ayat 24 yang tafsirnya : "Dan hendaklah engkau merendahkan diri dengan penuh kasih sayang dan berdoalah (untuk keduanya) : "Ya Tuhan! Kurniakanlah rahmat kepada mereka berdua sebagaimana mereka telah memelihara dan mendidikkmu dari kecil (lagi)."

Agama Islam memberi amaran keras terhadap mereka yang menderhaka kepada kedua ibu bapa serta gagal melaksanakan hak-hak mereka. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam hadis riwayat Imam an-Nasaie, yang maksudnya : "Tidak akan masuk syurga orang yang suka menunjuk-nunjuk pemberiannya, orang yang derhaka kepada kedua ibu bapanya dan orang yang ketagihan minuman keras."

Kita perlu mengambil iktibar daripada kisah Alqamah, seorang pemuda pada zaman Rasulullah yang sangat taat dalam beribadah, suka bersedekah dan sering berpuasa. Namun, ketika beliau meninggal dunia, beliau tidak dapat mengucap dua kalimah syahadah. Ini kerana sikapnya yang lebih mengutamakan isteri berbanding ibunya sehinggalah kerana kesalahannya, Rasulullah bertindak untuk membakarnya hidup-hidup di hadapan ibunya. Akan tetapi, tindakan Rasulullah itu menyebabkan ibunya segera memaafkan Alqamah dan seterusnya Alqamah pun mampu mengucap dua kalimah syahadah. Peristiwa ini bertepatan dengan hadis yang diriwayatkan oleh Imam at-Thabarani, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud : "Reda Allah ada dalam redam kedua-dua ibu bapa dan kemurkaan-Nya ada dalam kemurkaan kedua-duanya."

Selain itu, antara balasan bagi yang

menderhakai ibu bapa juga disebutkan dalam hadis-hadis Rasul yang lainnya :

1. Mendapat seksaan di neraka kerana ia adalah dosa besar. Dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : Sebesar-besar dosa besar itu ialah menyekutukan Allah, membunuh orang, derhaka kepada kedua ibu bapa dan berkata dusta.

2. Semua amal kebajikan menjadi sia-sia atau tidak bermanfaat sepertimana hadis yang diriwayatkan oleh Imam ath-Thabarani, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : Tiga perkara yang menyebabkan segala amal tidak bermanfaat iaitu : Menyekutukan Allah, derhaka kepada kedua ibu bapa dan lari daripada medan perang.

3. Allah Subhanahu Wata'ala akan menegerakan pembalasan di dunia sebelum pembalasan di hari akhirat. Dalam hadits riwayat Imam ath-Thabarani, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : Dua kejahatan akan disegerakan (pembalannya oleh Tuhan) di dunia ini juga : Zina dan derhaka kepada ibu bapa. (Fatwa Mufti Kerajaan, 2005)

Jelas dalam hadis-hadis tersebut, derhaka kepada ibu bapa adalah sifat yang sangat tercela. Malah mengundang azab di akhirat di samping balasan ketika di dunia.

Oleh yang demikian, mentaati kedua ibu bapa serta mengutamakan segala kebajikan mereka adalah tugas yang sangat penting untuk dilaksanakan melebihi daripada kepentingan diri kita sendiri. Balaslah kesusahan ibu bapa menjaga dan memelihara kita dengan sesuatu yang menggembirakan mereka seperti menjaga mereka semasa tua dan sakit, memberi nafkah, selalu menziarahi mereka dan sebagainya. Perhatian dan kasih sayang anak lebih penting daripada wang ringgit. Sesungguhnya menghormati ibu bapa itu mendapat keredaan, rahmat dan keampunan Allah Subhanahu Wata'ala dan seterusnya menjamin kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat.

Sepakat terokai pelbagai kerjasama dua hala



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 22 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkhiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Perdana Menteri Republik Rakyat Bangladesh, Puan Yang Terutama Sheikh Hasina mengiktiraf potensi pelaburan dan menggalakkan promosi pelaburan timbal balik di antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Rakyat Bangladesh dalam kepentingan masing-masing, terutamanya dalam sektor seperti pemrosesan makanan, tenaga, ICT, pembinaan kapal, pembuatan, infrastruktur

ekonomi biru dan industri jute.

Dalam hal ini, NBD berminat untuk meneroka penyertaan dalam pasaran makanan halal global dengan mengambil kesempatan daripada zon ekonomi khas Bangladesh dan bukti kepakaran negara ini dalam industri makanan halal.

Perkara tersebut terkandung dalam Kenyataan Bersama pada Lawatan Rasmi Puan Yang Terutama Sheikh Hasina selama tiga hari ke negara ini bermula pada 21 hingga 23 April.

Dalam kenyataan tersebut, kedua-dua pemimpin bersetuju untuk meneroka kerjasama yang komprehensif dalam sektor tenaga melalui Kerajaan-kepada-Kerajaan (Government-to-Government - G2G), termasuk bekalan gas asli cecair (LNG) ke

Bangladesh juga penyertaan sektor awam dan swasta; meliputi bidang seperti pelaburan dan perdagangan petrokimia, penerokaan minyak dan gas luar pesisir, kerjasama teknikal, dan pembinaan kapasiti memandangkan semakin banyak permintaan tenaga di Bangladesh untuk menyokong pertumbuhan ekonomi yang pesat.

Kedua-dua pemimpin bersetuju untuk menggalakkan agensi-agensinya berkaitan daripada kedua-dua pihak untuk meneruskan perbincangan bagi mengenal pasti bidang-bidang tertentu dan modaliti kerjasama dalam sektor berkenaan.

Kedua-dua pihak akan terus memperkukuhkan lagi kerjasama dalam sektor kesihatan seperti latihan dan pengambilan profesional penjagaan kesihatan, pembuatan dan perdagangan dalam farmaseutikal juga kerjasama dalam perkhidmatan penjagaan kesihatan khusus tertakluk kepada persetujuan bersama dan keperluan kapasiti.

Terdahulu itu, dalam kenyataan bersama tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan PYT Perdana Menteri Republik Rakyat Bangladesh bertukar-tukar pandangan mengenai hubungan dua hala dan menggalakkan kedua-dua belah pihak untuk



meneroka cara-cara untuk mengukuhkan kerjasama mereka dalam meningkatkan hubungan ke tahap yang baharu.

Kedua-dua pemimpin melahirkan rasa puas hati atas hubungan yang mesra dan berterusan di antara NBD dan Republik Rakyat Bangladesh juga mengesahkan komitmen mereka untuk terus memanfaatkan potensi, bermula daripada komitmen ekonomi yang sedia ada untuk faedah bersama.

NBD juga mengakui kejayaan Republik Rakyat Bangladesh dalam sektor makanan dan pertanian seterusnya menggalakkan kerjasama dalam bidang pertanian, akuakultur, perikanan dan sektor ternakan.

Kedua-dua pihak akan meneroka potensi perdagangan dua hala dalam pertanian dan produk

makanan juga kerjasama dalam pertanian dan agro-pemrosesan dengan mengambil kira keutamaan pembangunan negara masing-masing.

Kedua-dua pemimpin turut mengakui potensi dalam meningkatkan perdagangan dua hala dan menggalakkan pertukaran aktif di antara ahli-ahli perniagaan tempatan mereka untuk meningkatkan juga meneroka kerjasama dan perkongsian untuk menggabungkan kelebihan masing-masing bagi memaksimumkan peluang eksport.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan PYT akan secara aktif, mempertimbangkan kemungkinan pengaturan perdagangan istimewa di bawah mekanisme yang sesuai dan menjalankan kemungkinan kajian bersama yang berkesan.

Oleh : Haniza Abdul Latif

Operasi kewangan ditingkatkan, mudahkan perdagangan dua hala

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 22 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkhiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Perdana Menteri Republik Rakyat Bangladesh, Puan Yang Terutama Sheikh Hasina menggalakkan kerjasama yang lebih erat di antara institusi kewangan kedua-dua buah negara untuk meningkatkan operasi perkhidmatan kewangan bagi memudahkan perdagangan dan pertukaran dua hala.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Puan Yang Terutama juga melahirkan rasa puas hati atas kerjasama dan penglibatan yang ada dalam kalangan angkatan tentera pertahanan kedua-dua negara dalam bidang yang memberi manfaat bersama termasuk latihan kakitangan.

Kedua-dua pemimpin menggalakkan kerjasama yang lebih luas dan mendalam bagi pertahanan, terutamanya dalam pembinaan kapasiti, perkongsian pengetahuan, pembinaan

perdamaian dan operasi kemanusiaan.

Perkara tersebut terkandung dalam Kenyataan Bersama pada Lawatan Rasmi Puan Yang Terutama Sheikh Hasina selama tiga hari ke negara ini bermula 21 hingga 23 April.

Dalam kenyataan tersebut, kedua-dua pemimpin mengakui sumbangan berharga daripada pekerja-pekerja ekspatriat dalam pembangunan ekonomi kedua-dua negara menghantar dan menerima dan dalam hal ini, menggalakkan para pegawai mereka untuk meneroka kemungkinan rundingan Memorandum Persefahaman Kerjasama Buruh dalam mekanisme perundingan.

Menyedari betapa pentingnya pertukaran rakyat-kepada-rakyat (*people-to-people*) dalam pengukuhan hubungan dua hala, kedua-dua pemimpin bersetuju akan terus berusaha untuk memupuk kerjasama yang lebih luas dan lebih mendalam di antara institusi akademik melalui lawatan, program latihan, pergerakan pelajar dan kakitangan, pertukaran maklumat dan penyelidikan juga pembangunan.

Kedua-dua pihak bersetuju untuk secara aktif

mempertimbangkan untuk meningkatkan hubungan di antara kedua-dua negara dan mengalu-alukan dalam penandatanganan awal Perjanjian Perkhidmatan Udara.

Kebawah DYMM dan PYT juga menyambut perjumpaan Perundingan Pejabat Luar Negeri Pertama (First Foreign Office Consultation) di Dhaka pada 9 September 2018 dan berharap akan dapat berjumpa di Perundingan Pejabat Luar Negeri Kedua di Bandar Seri Begawan pada tahun 2020 nanti.

Kedua-dua pemimpin juga menggalakkan para pegawai di pelbagai peringkat untuk mengukuhkan kerjasama yang ada dan meneroka kawasan-kawasan yang berpotensi baharu untuk kerjasama bagi kepentingan bersama kedua-dua negara.

Dalam kenyataan bersama itu, PYT menyebarkan ucapan tahniah kepada Kebawah DYMM atas kemajuan Negara Brunei Darussalam (NBD) di bawah kepimpinan berwawasan baginda yang turut menyumbang dalam memelihara keamanan, kestabilan dan kemakmuran NBD.

PYT juga memuji Kebawah DYMM atas pencapaian penting

dalam pelaksanaan dasar pembangunan negara strategik NBD di bawah Wawasan 2035.

Kebawah DYMM memuji PYT mengenai pertumbuhan pembangunan ekonomi luar biasa Republik Rakyat Bangladesh dan pencapaian cemerlang dalam sektor sosial di bawah kepimpinan yang berhemah PYT.

Baginda seterusnya mengucapkan tahniah kepada Republik Rakyat Bangladesh kerana berjaya memenuhi kriteria-kriteria kelayakan yang ditetapkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk ditinggikan dan diiktiraf sebagai negara membangun.

Kebawah DYMM turut mengakui sumbangan Kerajaan Republik Rakyat Bangladesh di bawah pimpinan PYT kepada perdamaian, penghijrahan, perlindungan alam sekitar, pembangunan dan operasi kemanusiaan global juga penyertaan mereka yang luas dalam misi pengaman yang dipimpin oleh PBB.

NBD mengakui bantuan kemanusiaan dan inisiatif repatriasi Republik Rakyat Bangladesh untuk 1.1 juta orang pelarian dari Rakhine, iaitu sebuah perlindungan sementara di Bangladesh.

Dalam hal ini, NBD memuji bantuan kemanusiaan Bangladesh juga usaha-usaha untuk repatriasi secara aman, bermaruah, sukarela dan mampan.

Republik Rakyat Bangladesh turut menghargai sokongan dan

sumbangan yang berterusan daripada Kerajaan Kebawah DYMM termasuk bantuan kewangan dan penyediaan bantuan perubatan juga kesihatan kritikal ke hospital lapangan di Cox's Bazar.

Kedua-dua pihak bersetuju untuk memperkukuhkan lagi kerjasama dalam forum serantau dan antarabangsa termasuk PBB; Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC); Komanwel dan Forum Serantau ASEAN bagi mengenai isu-isu kepentingan dan kebimbangan bersama termasuk ekstremisme, keganasan, perlindungan alam sekitar; dan pembangunan mampan.

Kedua-dua pihak juga bersetuju untuk bekerjasama menggalakkan rangka kerja, keamanan, kestabilan dan kemakmuran rantau juga dunia.

Kedua-dua pemimpin mengakui minat berterusan Bangladesh untuk menguatkan hubungan negara itu dengan ASEAN dan bersetuju bahawa terdapat banyak potensi dalam membangunkan kerjasama yang dapat menguntungkan.

PYT seterusnya menyebarkan setinggi-tinggi penghargaan ke hadapan majlis Kebawah DYMM atas sambutan mesra dan layanan baik yang diberikan kepada PYT dan delegasi sepanjang lawatan berkenaan.

Pada akhir kenyataan bersama tersebut, PYT juga menjunjung keberangkatan baginda untuk melawat Bangladesh pada masa yang terdekat dan sesuai.



Apa Pendapat Biskita?

Buat perancangan perbelanjaan awal langkah terbaik

SEKARANG kita sudah hampir menyambut kedatangan bulan suci yang penuh keberkatan, iaitu bulan Ramadan yang sering kita nanti-nantikan kerana pada bulan inilah kita berlumba-lumba untuk mempertingkatkan amal ibadah kita sebagai bekalan di akhirat nanti dan pada bulan ini jugalah peluang kita untuk memperoleh ganjaran yang berlipat ganda yang dijanjikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Pada kebiasaannya, kita umat Islam sebaik saja datangnya Ramadan ini pastinya kita akan bersiap sedia untuk sama-sama memuliakan dan mengagung-agungkan bulan suci ini dengan dipenuhi pelbagai aktiviti keagamaan. Namun, di samping itu juga, ada sesetengah kita pada awal Ramadan atau sebaik sebelum kedatangan Ramadan ramai antara kita yang sudah membuat persiapan awal untuk meraikan kedatangan Syawal semata-mata untuk tidak berasa tergesa-gesa pada penghujung Ramadan nanti. Berkata tentang membuat persiapan awal dalam menyambut Sambutan Hari Raya Aidilfitri ini pula apa kata sesetengah orang-orang kitani tentang perkara ini.

"Sebenarnya ia tidaklah menjadi satu kesalahan dalam membuat persiapan awal untuk meraikan kedatangan bulan Syawal kerana lebih awal ia adalah lebih baik dan ini mengurangkan sifat tergesa-gesa atau bingung untuk kita memikirkan perbelanjaan dan sebagainya apabila penghujung Ramadan nanti. Terutamanya dari segi persiapan awal pakaian anak-anak, isteri dan kita sendiri. Dengan membuat persiapan awal apabila penghujung atau pertengahan bulan Ramadan nanti kita hanya perlu memikirkan sedikit sahaja persiapan lainnya, seperti makanan dan mungkin juga menukar sedikit hiasan rumah. Apa yang penting di sini ialah kita tahu untuk berjimat cermat dan tidak lupa dalam menunaikan ibadah puasa yang wajib kita kerjakan."
- Ali Mohd. Hassan, BSB.

"Bagi saya, apabila tibanya Ramadan, saya sudah memperuntukkan sebahagian simpanan saya untuk membuat persiapan menyambut kedatangan Ramadan dan Syawal, seperti membeli barangan dapur untuk sahur dan pada masa yang sama juga untuk persiapan menyambut Syawal juga sudah awal saya lakukan terutama sekali dalam penyediaan dari segi pakaian anak-anak, barangan makanan kering untuk hidangan Hari Raya nanti dan ini bagi mengelakkan diri saya dan keluarga rasa terburu-buru apabila hampirnya Syawal. Namun, apa yang lebih penting dan awal saya serta keluarga sediakan ialah pembayaran zakat fitrah untuk diri sendiri dan tanggungan kerana dikhuatiri terlupa."
- Pengiran Razali bin Pengiran Said, Gadong.

"Membuat persiapan awal untuk menyambut kedatangan Syawal bagi saya satu langkah yang bijak kerana dengan membuat persiapan awal membantu kita daripada rasa terburu-buru apabila hampirnya Syawal, tetapi perlu juga diingat supaya kita tahu membuat atau mengira bajet yang harus dipergunakan dalam membuat persiapan Hari Raya nanti agar ia tidak tersasar daripada bajet yang telah diperuntukkan. Apa yang penting kita sudah ada membuat perancangan dan simpanan yang mencukupi bagi memenuhi keperluan untuk berbelanja bagi persiapan Hari Raya nanti." - Rasidah binti Arshad Tutong.

Apa yang jelas di sini bagi pendapat saya juga selaku penulis, membuat persiapan awal untuk meraikan Sambutan Hari Raya bukanlah satu perkara yang salah, bahkan ia lebih membantu kita dalam menjimatkan masa dan kewangan kita, terutama sekali apabila kita terlebih awal lagi sudah membuat simpanan yang berpatutan dalam persiapan untuk membeli barangan atau keperluan yang penting sebelum datangnya Syawal. Misalannya baju baharu untuk anak-anak, suami dan keluarga, mungkin bagi kaum lelaki kita masih boleh menggunakan pakaian yang dirasakan masih baharu dan ini lebih menjimatkan untuk kita juga atau menukar sebahagian barangan perabot yang dirasakan perlu sahaja. Ini kerana kita juga tidak seharusnya terlalu berbelanja sehingga boleh menyebabkan anggaran perbelanjaan yang telah diatur terlebih daripada yang telah dijangkakan kerana dalam keadaan peningkatan kos hidup hari ini, kita selaku pengguna juga perlu lebih proaktif antaranya dengan membuat perbandingan harga terlebih dahulu sebelum membeli sesuatu barang atau keperluan ini kerana budaya membeli keperluan pada saat-saat akhir bagi mendapatkan barangan pada harga murah juga kadangkala boleh memerangkap diri sendiri. Ada baiknya juga pengguna membuat persiapan lebih awal agar dapat merancang sebaik-baiknya.

Biskita dialu-alukan menyumbangkan pendapat biskita dengan dua tajuk di bawah, sama ada menggunakan nama sebenar atau nama pena.

Sila e-melkan pendapat biskita ke :
pelita.brunei@information.gov.bn

- i. Mengenai isu penderaan mental dalam pekerjaan.
- ii. Bersederhana dalam berbuka puasa.



Kenali Bahasa Brunei

satagal bermaksud sebentar atau sekejap.

Contoh pemakaian kata : ucapanmu **satagal**, ani dua jaham udah ku manunggu, barutah kau timbul.

tanai-tanai bermaksud ternanti-nanti dalam keadaan tangan terhulur untuk menerima atau memberi sesuatu.

Contoh pemakaian kata : bah jawati daulu naindah ani, **tanai-tanai**ku lagi antadi.

bapadah bermaksud memberitahukan, menyampaikan, atau memaklumkan khabar, berita, dan sebagainya.

Contoh pemakaian kata : ada Wang Dulah **bapadah** kadiaku di malam, anaknya yang bungsu atu kan kawin ujung taun ani.

SUMBER : DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN



KAMPUNG LUAGAN DUDOK



Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BUBUR LABU

BAHAN-BAHANNYA :

- 1 biji labu kuning
- 1 biji kelapa (ambil santannya)
- 2 biji durian kuning
- 5 helai daun pandan
- 5 sudu besar gula

Sedikit beras digoreng tanpa minyak (dikisar)

CARA MEMBUATNYA :

Bersihkan labu kuning yang telah dibuang kulit kemudian

dipotong dadu. Lalu masukkan lapan cawan santan, daun pandan dan biarkan hingga mendidih. Setelah itu, masukkan gula, labu dan durian, biarkan sebentar kemudian masukkan beras yang telah digoreng.

Maklumat cuaca di hujung jari



Oleh : Noriah Haji Abdul Hamid

Sumber : Jabatan Kajucaua
Brunei Darussalam

Infografik : Bahagian Pelita Brunei

DENGAN ledakan perkembangan ICT pada era ini menjadikan e-Perkhidmatan sebagai platform dalam dunia perniagaan dan ekonomi serta memainkan peranan besar dalam mempengaruhi pembangunan dan perkembangan perkhidmatan kaji cuaca di Negara Brunei Darussalam.

Jabatan Kajucaua Brunei Darussalam telah mewujudkan Aplikasi Bimbit Brunei WX (Weather) sebagai salah satu inisiatif jabatan berkenaan untuk menyampaikan maklumat cuaca harian terus ke telefon bimbit pada 10 November 2012.

Kenapa Mewujudkan Aplikasi Bimbit Brunei WX (Weather)?

Aplikasi yang dicipta khas bagi

keperluan penduduk di Negara Brunei Darussalam diwujudkan kerana :

- Untuk menyampaikan maklumat cuaca harian terus ke telefon bimbit.
- Menyampaikan ramalan maklumat cuaca dan amaran untuk membantu orang ramai, agensi-agensi kerajaan dan juga sektor swasta untuk membuat persiapan awal menghadapi cuaca buruk.
- Memastikan maklumat cuaca yang diperolehi adalah sumber yang boleh dipercayai dan sentiasa dikemas kini.
- Menjimatkan perbelanjaan kerajaan dengan kaedah *push notification* berbanding kaedah SMS.
- Meningkatkan kecekapan penyampaian maklumat cuaca kepada pengguna.

Faedah Kepada Orang Ramai

Aplikasi Bimbit Brunei WX (Weather)

adalah sebagai penyaluran dan penerimaan maklumat cuaca yang dapat diterima dengan cepat dan terus ke telefon bimbit pengguna bagi membuat persediaan awal bagi sebarang aktiviti harian. Pengenalan Aplikasi Bimbit Brunei WX (Weather) menyediakan kaedah yang amat mudah dan percuma bagi para pengguna memuat turun aplikasi menerusi telefon bimbit dan tablet masing-masing.

Orang ramai juga boleh mendapatkan maklumat ramalan dan amaran cuaca yang kerap dikemas kini melalui telefon bimbit persendirian dengan mengakses maklumat cuaca pada bila-bila masa sahaja.

Dengan kaedah yang canggih melalui laman media sosial, seperti Instagram dan Facebook, sebahagian pengguna boleh berkongsi maklumat cuaca yang sah

kepada orang ramai.

Ciri Khas Aplikasi Bimbit Brunei WX (Weather)

Ciri khas Aplikasi Bimbit Brunei WX (Weather) ialah pengguna boleh menerima notifikasi amaran cuaca hujan lebat yang boleh menyebabkan banjir dan juga keadaan angin kencang, selain daripada maklumat-maklumat cuaca harian. Khidmat notifikasi bertindak sebagai satu sistem amaran awal (*early warning system*) bagi membolehkan pengguna, seperti agensi-agensi berkenaan untuk membuat keputusan yang wajar demi membuat sebarang persediaan bagi menjaga keselamatan nyawa dan harta benda.

Penghasilan Aplikasi Bimbit Brunei WX (Weather) ini juga adalah mendukung aspirasi Wawasan Negara 2035 ke arah menjadikan kehidupan rakyat agar berkualiti tinggi, dengan memastikan maklumat cuaca dapat diperolehi oleh seluruh penduduk dengan efektif dan sekali gus meningkatkan kesedaran orang awam akan pentingnya mendapatkan apa jua maklumat melalui perkembangan teknologi infokomunikasi di negara ini termasuk mengenai cuaca.

Pengiktirafan

Projek Brunei Weather App ini juga telah diberikan pengiktirafan apabila ia berjaya memenangi Anugerah Gangsa dalam Pertandingan Anugerah Cemerlang Perkhidmatan Awam pada tahun 2014 dan juga kertas-kerja projek ini turut disampaikan semasa ASEAN Heads of Civil Service Retreat, Conference And Games pada bulan November 2015 di Putra Jaya, Malaysia.

Penggunaan teknologi Aplikasi Bimbit Brunei WX (Weather) ini diharap dapat meningkatkan kemudahan, kecekapan dan ketelusan sistem penyampaian maklumat serta perkhidmatan kepada rakyat dan penduduk menerusi telefon bimbit.



'APLIKASI Bimbit Brunei WX (Weather) adalah sebagai penyaluran dan penerimaan maklumat cuaca yang dapat diterima dengan cepat dan terus ke telefon bimbit pengguna bagi membuat persediaan awal bagi sebarang aktiviti harian.'

Pied Hornbill rangkul gelaran juara



SERIA, Isnin, 22 April. - Dalam mengasuh, mencungkil juga membimbing bakat para pemain bola sepak muda di peringkat awal, Pertubuhan Bola Sepak Daerah Belait (PBDB) dan JCAD Enterprise menganjurkan Kejohanan Bola Sepak 7 Orang Sepasukan Bawah Umur 10 Tahun, berlangsung di Padang

TIMBALAN Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kolonel (B) Pengiran Haji Maidin bin Pengiran Haji Mohd. Said (kiri) menyampaikan hadiah kepada penjaring terbanyak, Harry Tomlin dari Rhinoceros Hornbill.

Oleh dan Foto :
Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

Arena, Seria, pada Ahad, 21 April lepas, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat mewakili Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan pada perlawanan akhir kejohanan tersebut, Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kolonel (B) Pengiran Haji Maidin bin Pengiran Haji Mohd. Said, seterusnya melancarkan perlawanan akhir tersebut.

Terdahulu, tetamu kehormat diperkenalkan kepada barisan pemain-pemain peringkat akhir dan para pengadil bagi perlawanan

di antara Pied Hornbill dengan BSRC FC Youth, yang berkesudahan Pied Hornbill mengalahkan BSRC FC Youth dengan jaringan 2 - 0.

Tetamu kehormat juga mengalungkan medal-medal kepada juara, Pied Hornbill diikuti BSRC FC Youth di tempat kedua.

Terdahulu, diadakan perlawanan penentuan bagi tempat ketiga yang dimenangi oleh Rhinoceros Hornbill setelah menewaskan Muhammad Alam FC dengan jaringan 5 - 1.

Penjaring terbanyak dinobatkan kepada Harry Tomlin daripada Rhinoceros Hornbill dengan jaringan lapan gol yang turut menerima hadiah daripada tetamu kehormat pada kejohanan yang disertai oleh tujuh buah pasukan tersebut.

Antara yang hadir, Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Ridzuan bin Haji Ahmad; Pemangku Penghulu Mukim Seria, Awang Haji Saidin bin Haji Ibrahim; para pegawai daripada Jabatan Belia dan Sukan juga NFABD dan para penyokong pasukan yang bertanding.

PERLAWANAN akhir antara Pied Hornbill (jersi jingga) dengan BSRC FC Youth (jersi putih).



Kota Ranger FC julang Piala FA DST 2018-2019



PEMANGKU Ketua Pegawai Eksekutif DST Communication Sdn. Bhd., Radin Sufri bin Radin Basiuni (tengah) ketika menyampaikan hadiah juara kepada pasukan Kota Ranger FC (kiri). Sementara gambar kanan, antara aksi perlawanan di antara pasukan Kota Ranger FC (jersi kuning) dan pasukan Majlis Sukan Polis Diraja Brunei (MS PDB) (jersi biru).



Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 22 April. - Pasukan Kota Ranger FC berjaya menjulang Piala FA DST 2019 apabila menewaskan pasukan Majlis Sukan Polis Diraja Brunei (MS PDB) dengan jaringan 2 - 1 pada

perlawanan akhir piala berkenaan di Padang dan Balapan, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Hadir menyempurnakan penyampaian piala dan pingat kepada pemenang ialah Pemangku

Ketua Pegawai Eksekutif DST Communication Sdn. Bhd., Radin Sufri bin Radin Basiuni.

Pada separuh masa pertama perlawanan menyaksikan pasukan Kota Ranger FC berjaya membolosi gawang pasukan lawan pada minit ke-35 hasil jaringan Awang Mohd. Amalul Ariffin Shah bin Said.

Pasukan Kota Ranger FC kekal

mendahului dengan jaringan 1 - 0 hingga separuh masa pertama berakhir.

Sepuluh masa kedua menyaksikan kedua-dua pasukan saling berbalas serangan, namun nasib lebih memihak kepada pasukan MS PDB apabila berhasil menjaringkan gol penyamaan pada minit ke-55 hasil jaringan PC 6567 Awang Amir bin

Bujang.

Selang beberapa minit kemudian, pasukan Kota Ranger FC sekali lagi berjaya menggegarkan gawang pasukan lawan melalui jaringan Awang Muhd. Asyrafahmi bin Norsam pada minit ke-89 untuk mendahului pasukan lawan, 2 - 1.

Keputusan 2 - 1 kekal hingga tamat perlawanan.

Sukan

INFO SUKAN

KEDAI basikal Ride and Cycle Co., yang terletak di Eng Ho Complex, Simpang 217 - 54, Lebuhraya Tungku menyediakan pelbagai aksesori, pakaian, peralatan keselamatan dan alat ganti basikal. Sejak dibuka pada dua bulan lalu kerana konsep terbuka yang digunakan memberi kelainan dalam kemudahan dan perkhidmatan ditawarkan, malah turut menjadi tempat perhimpunan bagi penggemar-penggemar aktiviti berbasikal.



ePaper Pelita Brunei

Sukan Arafura 2019 - Berusaha raih kejayaan



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud (enam, kanan) bergambar ramai bersama kontinjen negara yang akan menyertai Sukan Arafura 2019 di Darwin, Australia.

Berita dan Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

BERAKAS, Selasa, 23 April. - Seramai sembilan orang kontinjen Negara Brunei Darussalam yang terdiri daripada empat orang atlet dan lima orang pegawai petang tadi berlepas ke Darwin, Australia bagi menyertai Sukan Arafura 2019.

Berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar ialah Setiausaha Tetap

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud yang antaranya turut memberikan kata-kata semangat kepada para atlet dan berharap mereka akan berusaha gigih dengan semangat kesukanan yang tinggi bagi meraih kejayaan dan seterusnya mengharumkan nama negara.

Turut hadir, Timbalan Setiausaha Tetap

KKBS, Kolonel (B) Pengiran Haji Maiddin bin Pengiran Haji Said.

Kontinjen negara diketuai oleh Pemangku Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Zafri bin Haji Mohamed selaku Chef de Mission.

Pada edisi kali ini, kontinjen negara akan menyertai sebanyak tiga acara sukan, iaitu Bola Jaring, olahraga bagi atlet Para dan Renang.

Sukan Arafura edisi 2019 dijadual

berlangsung pada 26 April hingga 4 Mei 2019.

Pada Sukan Arafura 2011, kontinjen negara telah berjaya meraih 14 pingat secara keseluruhan, iaitu empat pingat emas, enam pingat perak dan empat pingat gangsa melalui sukan olahraga termasuk olahraga bagi atlet Para, Renang dan Tenpin Bowling.

Kontinjen negara akan dijangka pulang pada 5 Mei 2019.



PIED Hornbill
rangkul
gelaran
juara
MUKA 23

KOTA
Ranger FC
julung Piala
FA DST
2018-2019
MUKA 23

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

REBUT PELUANG KELEBIHAN, KEISTIMEWAAN BULAN SYAABAN

دتربيتكن اوله جباتن قنراغن، جباتن فردان منترى دان دجيتق اوله جباتن فرچيتقن كراجان، نكارا بروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam